



USM

UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



BERITA 2013

KAMPUS
KEJURUTERAAN
SEPANJANG
TAHUN

KANDUNGAN

Bil.	Tajuk	Muka Surat
1	Terima Kasih Profesor Abd Aziz Tajuddin	5
2	International Industrial Attachment: Tiga Pelajar Kejuruteraan Di Toray Industries, Japan	6
3	“Ekosfera Apex Fasa 2 Digalas Dengan Bergerak Bersama-Sama”- Naib Canselor	9
4	Pensyarah Kejuruteraan Mekanik Kongsi Kepakaran Bantu Gaza	12
5	Pulau Jerejak Dan Gunung Bintang Ditawan	14
6	Bacaan Yassin Dan Solat Hajat Untuk Keselamatan Dan Kesejahteraan Lahad Datu	16
7	Lawatan Kwasa Land Ke Tapak Bioecods, Projek Perintis Sistem Saliran Mesra Alam	18
8	Lawatan Tiga Institusi Pengajian Tinggi Awam, Jepun	19
9	Career Fair 2013 Titik Permulaan Satu Kejayaan	22
10	Kempen Earth Hour 2013: USM Kejuruteraan Menyahut Seruan	26
11	School Of EE Cooperates With Nuvoton In Academic Program	29
12	Program Jelajah Jaya 25 Tahun	30
13	USM Cemerlang Di Itex 2013: Raih 13 Emas Dari 15 Penyertaan	32
14	Kejohanan Ragbi USM 10's 2013	34
15	Program #TwtUpKejut Membentuk Jati Diri Pelajar	36
16	Dapur Gas 2 Dalam 1: Masak Sambil Cas Alat Elektronik	38
17	USM Di Hati Rakyat Malaysia	41
18	USM Kejuruteraan Dekati Masyarakat di Pendang, Kedah	46
19	415 Penerima APC Dirai	48
20	Budi Staf Dihargai	46

21	Majlis Pelancaran Program Hilal Ramadhan 2013 M/1434	50
22	Pelajar USM Menang Pertandingan Reka Cipta	52
23	Yong Bang Ming Harumkan Nama USM Dalam Simposium Kepimpinan	53
24	USM Lahir Jurutera Berjiwa Lestari	55
25	Majlis Iftar Bersama Naib Canselor Eratkan Warga Kampus	57
26	Taklimat Sistem Saraan Transformatif & Isu Semasa Presiden Cuepacs	61
27	Sambutan Aidilfitri Kampus Kejuruteraan Disambut Meriah	63
28	Perjumpaan Pengarah Kampus Bersama PPSL	70
29	Graduan USM Hasilkan Konkrit Hijau Menggunakan Abu Sisa Kelapa Sawit	71
30	USM Juara Rekaan Inovasi	73
31	Kita Berupaya Menjadi Terkemuka Di Dunia, Kata NC	74
32	580 Pelajar Baharu Mendaftar Di USM Kejuruteraan	76
33	Pelajar Kejuruteraan Mampu Melakar Kejayaan Cemerlang, Kata TNC	78
34	Pelajar Baharu USM Kejuruteraan Dirai Sempena Minggu Siswa Lestari	80
35	Majlis Makan Malam Disambut Meriah, Santai Dan Ceria	83
36	Yakin Keupayaan USM, Datuk Dr. Adham Baba	85
37	77 Pelajar Baru Di PPK Kimia	87
38	Kejuruteraan Kimia Komited Melahirkan Graduan Bertaraf Dunia	90
39	Kejuruteraan Kimia- 68 Graduan Di Konvokesyen Usm Ke 48	93
40	Mechanical Engineering And Bose System Weaved Cooperation	94
41	Hari Bersama Pelajar Kejuruteraan Dapat Sambutan	96
42	Kempen Tingkatkan Kesedaran Warga Kampus Dan Masyarakat	99
43	Kampus Kejuruteraan Jadi Pilihan Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan	107
44	'PRK' Kejuruteraan Lancar & Harmoni	112

45	USM Is The Overall Champion In NACES 2013	116
46	SCE USM Bags Awards At British Invention Show 2013	120
47	Kelab Rekreasi Unisains Jayakan Ekspedisi Gunung Bubu	121
48	Kawal Tumpahan Minyak Secara Global	124
49	7 Jabatan Jayakan Hari Bersama Pelanggan	126
50	Pensyarah USM Cemerlang Di Kuwait	127
51	4th USM Ceo Talk Series Membuka Peluang Kerjasama	129
52	Malam Anugerah Sukan KKSSK Meriah	133
53	HWS-USM'13 : Pipit Hutan Juara Hiasan Khemah & Masterchef	137
54	Penyelidik Wanita USM Cemerlang Dalam EUWIIN 2013	146
55	Prof Dr. Abdul Latif Won The Prestigious TWAS Prize 2012 In Engineering Sciences	147
56	Scientists From Engineering Campus Conferred Fellows And Top Research Scientist Malaysia (TRSM) By Academy Of Sciences Malaysia	148
57	Researcher From Engineering Campus Won The World Inventor Awards At 2013 Korea Inventors Award Festival, Seoul	150
58	Rumusan	152

SEKALUNG PENGHARGAAN

Kampus Kejuruteraan sememangnya terkenal dalam menyumbang merit kepada Universiti Sains Malaysia. Justeru itu, setiap aktiviti atau program yang dianjurkan dan disertai oleh staf dan pelajar akan dijadikan sebagai bahan berita seterusnya diletakkan dalam laman web untuk tatapan semua warga kampus dan masyarakat. Makalah ini merupakan himpunan liputan berita yang telah dikarang oleh staf dan juga pelajar USM sepanjang tahun 2013.

Semangat kerjasama dan hubungan yang baik diantara staf dan juga pelajar telah berjaya menghasilkan sebanyak 140 berita mengenai kejayaan mewakili Kampus Kejuruteraan dan program-program yang dianjurkan. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada Encik Mohd Kamil Ashar, Penolong Pendaftar, Pejabat Pengarah, Kampus Kejuruteraan atas usaha gigih beliau dalam menyedia dan menyusun berita-berita kampus dan akhirnya direalisasikan dalam bentuk makalah.

Kejayaan penerbitan makalah ini juga adalah atas sokongan, semangat dan galakan yang berterusan daripada Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan. Malahan beliau merupakan orang yang bertanggungjawab dalam menyumbang idea untuk menyediakan makalah ini seterusnya memberikan kerjasama dan komitmen yang tidak berbelah bagi dalam memastikan makalah ini dapat direalisasikan.

Akhir sekali, sekalung tahniah dan penghargaan kepada semua warga USM dalam memberikan maklumat serta membantu dalam menyediakan liputan berita kampus khususnya Kampus Kejuruteraan.

TERIMA KASIH PROFESOR ABD AZIZ TAJUDDIN



2 Januari 2013 - Tiada kata yang dapat diungkapkan melainkan ucapan TERIMA KASIH dan setinggi penghargaan kepada Profesor Abd Aziz Tajuddin di atas sumbangan perkhidmatan selama dua tahun tujuh bulan menerajui Kampus Kejuruteraan. Sepanjang tempoh berkenaan beliau telah berjaya menyerlahkan Kampus Kejuruteraan ketahap yang amat membanggakan sebagai sebuah gedung ilmu yang tersohor dalam disiplin kejuruteraan bukan sahaja pada peringkat domestik malah antarabangsa.

Ujar beliau semasa upacara penyerahan dokumen peralihan tugas baru-baru ini, “ Saya amat seronok berkhidmat dengan Kampus Kejuruteraan. Tiada banyak masalah di kalangan warganya, baik daripada staf akademik, staf sokongan mahu pun para pelajarinya. Semuanya bergerak dan bekerjasama bagaikan satu pasukan yang hebat”. Yang lebih menarik ujur beliau lagi, “Kampus Kejuruteraan sentiasa terkehadapan dalam memberikan sumbangan berimpak tinggi dalam menjulang prestasi Universiti”.

Beliau menzahirkan rasa syukur di atas pencapaian yang sedia ada dan berdoa agar kecemerlangan tersebut akan terus dilestarikan dibawah pimpinan Pengarah Kampus yang baru, Profesor Zainal Arifin Mohd Ishak. Beliau juga turut menyeru semua warga Kampus Kejuruteraan agar dapat memberikan kerjasama kepada Profesor Zainal Arifin sebagaimana komitmen yang telah ditunjukkan sebelum ini.

Ekoran daripada itu juga, beliau tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua warga Kampus Kejuruteraan yang telah memberikan kerjasama yang tidak berbelah bagi semasa beliau diamanahkan memikul komitmen selaku Pengarah dan memohon berbanyak maaf jika ada kesilapan dan kekurangan semasa menjalankan tanggungjawab tersebut.

Kepada Profesor Abd Aziz, warga Kampus Kejuruteraan amat berbangga dapat berkhidmat bersama Profesor dan mendoakan kecemerlangan kepimpinan Profesor di Kampus Kejuruteraan akan turut terserlah di IPPT.

Kepada Profesor Zainal Arifin Mohd Ishak, Selamat Menjalankan Tugas.

Teks: Mokhtar Alfakari Anurbek

Foto: Shafizan Zoolkiffli

INTERNATIONAL INDUSTRIAL ATTACHMENT: TIGA PELAJAR KEJURUTERAAN DI TORAY INDUSTRIES, JAPAN



7 Januari 2013 - Tiga pelajar disiplin Kejuruteraan daripada lima pelajar Universiti Sains Malaysia telah terpilih untuk menjalani program International Industrial Attachment (IIA) bertempat di Toray Industries, Osaka, Jepun pada 19 hingga 24 Disember tahun lalu.



Ketiga-tiga pelajar tersebut adalah Bannard a/l Lazil dari PP Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral, Mohd Fakhri bin Mohd Ali dari PP Kejuruteraan Mekanikal dan Koong Gia Yooke dari PP Kejuruteraan Elektrik & Elektronik. Manakala dua pelajar lagi dari PP Pengurusan, Muhammad Badrul Hisyam bin Adam dan Stephanie Foon Mei Yan dari PP Sains Kimia. Pemergian mereka diiringi oleh Encik Mohd Rashid Abdul Rejab selaku Ketua Unit BHEPP Kampus Kejuruteraan, USM.



Program IIA yang diperkenalkan sejak 2009 itu telah dikelolakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar (BHEPP) melalui Unit Kerjaya. Objektifnya adalah untuk memberi peluang kepada pelajar yang terpilih mengalami sendiri pengalaman alam pekerjaan di luar negara selain mendedahkan mereka kepada budaya yang berbeza di setiap negara. Usahasama di antara USM dan Toray Industries dalam menjayakan program ini dilihat sebagai satu inisiatif yang banyak memberi manfaat kepada pelajar.



Sepanjang lima hari di sana, para pelajar kita telah memanfaatkan beberapa siri lawatan khususnya ke ibu pejabat Toray Industries di Osaka dan beberapa buah firma industri milik mereka. Mereka telah didedahkan dengan urusan berkaitan pengurusan perniagaan, teknologi yang digunakan dalam pembuatan, produk-produk yang dihasilkan dan juga beberapa elemen penting pengurusan yang menjadi nadi dalam industri berskala besar.



Selain lawatan, satu sesi beramah mesra juga telah diadakan bersama beberapa orang staf bahagian Sumber Manusia Toray Industries Osaka di World World Buffet.

Sungguh pun kunjungan hanya memakan masa lima hari tetapi ia tetap berbaloi apabila banyak perkara telah dapat dipelajari di antaranya Toray Industries mempunyai sasaran pencapaian yang sangat sistematik dengan mewujudkan satu program terancang bagi pembangunan insaniah staf, merintis beberapa program yang menjurus kepada penggunaan teknologi hijau dan mementingkan aspek persekitaran dan didapati juga pasukan penyelidik (R&D) mereka yang berterusan berusaha melakukan penambahbaikan teknologi sedia ada kepada satu bentuk teknologi baru bagi menjana produk-produk yang berkualiti tinggi.



Sebagaimana biasa sebelum mengakhiri sesuatu lawatan, para pelajar kita juga telah dibawa berkunjung ke tempat-tempat bersejarah di Kyoto, di antaranya adalah Kinkakun-ji Temple (Golden Pavilion), sebuah istana lama yang amat terkenal yang mendominasi era pemerintahan shogun di Jepun suatu masa dahulu.

(Teks di atas dipetik daripada Laporan Lawatan oleh BHEPP)
Teks diolah oleh: Mokhtar Alfakari Anurbek, Foto: BHEPP

“EKOSFERA APEX FASA 2 DIGALAS DENGAN BERGERAK BERSAMA-SAMA”- NAIB CANSOLOR



14 Januari 2013- “ Kita perlu bergerak bersama-sama dan kurangkan ruang untuk ketidakbersamaan untuk menjadi pelopor sebuah Universiti Memimpin Kelestarian”. Demikian gesaan Yang Berbahagia Profesor Dato’ Omar Osman di hadapan lebih daripada 500 warga staf dan pelajar Kampus Kejuruteraan bersempena dengan Majlis Perutusan Tahun Baru Naib Canselor, USM pada 11 Januari yang lalu bertempat di Auditorium, Kompleks Dewan Kuliah, Kampus Kejuruteraan.

Perutusan tahun kedua Profesor Dato’ Omar Osman selaku Naib Canselor berfokuskan tajuk “Mensinergi Ekosfera Universiti Untuk Kecemerlangan” yang intipatinya menjurus kepada perincian modus operandi dan teras-teras strategik 2013 dalam menangani pelaksanaan ekosfera APEX Fasa II.



Berita Kampus Kejuruteraan Sepanjang Tahun 2013

Tahun 2013 disifatkan sebagai tahun yang amat mencabar bagi seluruh warga USM. Ini disebabkan pada tahun ini pelaksanaan Fasa II APEX bermula dan sekali gus memulakan transformasi pusingan APEX Fasa I, mulanya inisiatif baru 2013 dan ia juga mengakhiri dan menilai pencapaian APEX Fasa I.

Justeru itu, amat wajar ciri-ciri keterbukaan, kebersamaan, kekitaan dan kebenaran menjadi ‘darah daging’ yang domin kepada semua staf demi mensinergi ekosfera untuk kecemerlangan Universiti sepertimana yang ditegaskan oleh beliau, “ Keterbukaan juga berhubung dengan hasrat APEX untuk saling berkongsi, kebersamaan dan kekitaan yang memerlukan keikhlasan dan keberanian untuk menyatakan suara hati dan kebenaran dalam lingkungan yang ada, berasas dan berserta dengan fakta dan data yang sah sebagai orang yang berilmu”.



Tambah beliau lagi ciri-ciri tersebut menjadi ‘tunggak’ bagi memastikan ekosfera APEX Fasa 2 dapat dilaksanakan dan digarap sebaik mungkin. Katanya, “Ekosfera APEX Fasa 2 bukan lagi dianalisis dan dilihat dalam kedudukan dua dimensi tetapi perlu dianalisis dan dilihat dalam kedudukan tiga dimensi. Ini adalah anjakan utama menggambarkan bahawa APEX ialah suatu program yang menyeluruh, kejayaan menyeluruh dan kecemerlangan menyeluruh. Ekosfera APEX meliputi dimensi global yakni berusaha merubah lanskap pendidikan tinggi menjadi sebuah institusi yang relevan dalam abad ke 21 ini”.

Bertitik tolak daripada itu, beliau dengan panjang lebar menggariskan sinergi ekosfera APEX Fasa 2 yang menurut beliau terbina melalui adunan unsur-unsur nilai etik, estetik dan fitrah manusia dan disaluti dengan empat premis iaitu terbilang, unggul, relevan dan dominan, tujuh pembolehubah di antaranya governan, kelestarian kewangan dan warga global dan tujuh teras utama yang antara lain merangkumi nilai-nilai kemanusiaan, kelestarian dan pengorbanan disamping mengekalkan misi dan visi yang sedia ada.



Bagi memastikan kelancaran sinergi ekosfera tersebut, beliau turut menggariskan empat teras strategik yang wajar dipatuhi iaitu,

Teras Strategik 1: Pengupayaan perancangan APEX Fasa 2

Teras Strategik 2: Meneruskan pusingan asas transformasi

Teras Strategik 3: Memulakan inisiatif baru APEX Fasa 2

Teras Strategik 4: Meneruskan inisiatif berupaya dalam APEX Fasa 1

Selain ucapan perutusan, Majlis juga diserikan dengan acara penganugerahan watak lantikan kepada semua Dekan/Pengarah PTJ dan penyampaian Penghargaan Perolehan Dana USM 2012.



Sebelum mengakhiri acara, Profesor Dato' Omar Osman juga turut melancarkan buku 'Kejuruteraan @ USM'. Apa yang istimewanya buku tersebut adalah ia terhasil daripada usaha semua staf pelaksana dan teknikal Pejabat Pengarah di bawah bimbingan Profesor Abd Aziz Tajuddin, mantan Pengarah Kampus Kejuruteraan.

Majlis diakhiri dengan jamuan makan tengah hari warga Kampus Kejuruteraan bersama-sama dengan Yang Berbahagia Profesor Dato' Omar Osman.

Teks: Mokhtar Alfakari Anurbek

Foto: Shafizan Zookiffli

PENSYARAH KEJURUTERAAN MEKANIK KONGSI KEPAKARAN BANTU GAZA



KUBANG KERIAN, 13 Januari - USM bersedia bantu untuk berkongsi kepakaran dengan mana-mana pihak yang berusaha membantu mereka yang menghadapi masalah bukan sahaja di Gaza Palestin, tetapi juga di negara-negara lain seperti Filipina, Kemboja dan Vietnam, malah bersedia melakukan penyelarasan usaha sedemikian, apatah lagi terdapat banyak kepakaran di pelbagai institusi yang boleh dimanfaatkan bersama.

Demikian dinyatakan oleh Profesor Dato' Dr. Omar Osman kepada media selepas upacara penyampaian sijil tamat latihan kepada 6 orang pelatih Palestin dalam pembuatan anggota palsu di sini pagi ini.

Menjawab soalan pemberita sama ada USM berminat untuk bekerjasama dengan agensi antarabangsa dalam membantu pihak-pihak seperti rakyat Palestin, Naib Canselor USM itu menjelaskan bahawa usaha seperti ini tidak perlu menunggu orang lain melakukannya, apatah lagi dengan mengharap agensi-agensi lain melakukannya sedangkan kita mempunyai keupayaan berbuat demikian.

Tambahnya lagi, USM sedang berusaha untuk membangunkan budaya sukarela dan sedia memberi dalam bentuk yang bersesuaian, bukannya sentiasa mengharapkan orang lain memberikan sumbangan dengan menjalankan usaha-usaha yang berupaya dilakukan, misalnya menubuhkan Tabung Pendidikan Palestin melalui sumbangan warganya melalui usaha sukarela termasuk menggalakkan sumbangan potongan gaji sekitar RM20.00 sebulan atau RM1.00 sehari bekerja yang berupaya menjana pendapatan untuk membiayai pelajar Palestin sama ada di negara itu atau yang berada di sini.

"Jika pelbagai institusi lain juga mengambil langkah yang sama, bayangkan berapa banyak yang boleh dijana berama-sama untuk faedah mereka yang memerlukannya," kata Omar.

Jelasnya, USM juga berhasrat mengukuhkan usaha melatih anak-anak Palestin yang berupaya menerap nilai-nilai yang sama dan sanggup berkhidmat secara sukarela dan yang penting membina kemampuan ilmu mereka bukan sekadar kekuatan fizikal semata-mata dalam menghadapi musuh, termasuk juga menjalankan program motivasi kepada anak-anak Palestin dalam membangunkan bakat dan kebolehan dalam jangka panjang.

"Kita juga mengharapkan untuk mengambil inisiatif membangunkan teknologi-teknologi mudah seperti menghasilkan bekalan air bersih dan teknologi-teknologi mudah yang boleh meningkatkan kualiti hidup masyarakat, bukan sahaja di Palestin malah juga di negara-negara lain.

Terdahulu, Naib Canselor USM turut menyampaikan anggota palsu kepada 3 pesakit Hospital Universiti Sains

Berita Kampus Kejuruteraan Sepanjang Tahun 2013

Malaysia hasil pembelajaran pelatih Palestin.

Profesor Dato' Dr. Omar Osman turut menyerahkan sumbangan Kerusi Roda 3 dalam 1 bukan logam yang berfungsi sebagai kerusi roda, stretcher dan katil kepada Presiden Amal Malaysia, Haji Hussin Ismail.

Kerusi Roda 3 dalam 1 ini direka bentuk oleh pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik USM, Dr. Amir Yazid Ali melalui peruntukan sebanyak RM3,000 dari Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat.

Naib Canselor juga menerima sumbangan RM5,000 dari Koperasi Warga Kampus Kesihatan untuk Tabung Pendidikan Palestin.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa) Profesor Ahmad Shukri Mustapa Kamal, Pengarah Kampus Kesihatan Profesor Dato' Mafauzy Mohamed dan pegawai-pegawai utama USM serta pegawai-pegawai Yayasan Amal Palestin. – Teks: MOHAMAD ABDULLAH

PULAU JEREJAK DAN GUNUNG BINTANG DITAWAN



29 Januari 2013- Kelab Rekreasi Unisains (KRU) telah membuka tirai pengembaraan dan cabaran 2013 dengan kejayaan berkayak mengelilingi Pulau Jerejak, Pulau Pinang dan mendaki puncak Gunung Bintang, Kampung Sedim, Kulim, Kedah.

Aktiviti mengelilingi Pulau Jerejak tersebut telah dijayakan oleh enam orang pelajar pada 27 Januari yang lalu yang mengambil masa 7 jam iaitu bermula pada jam 10.00 pagi dan berakhir pada jam 6.00 petang.

Menurut Pegawai pengiring dari Unit Sukan, BHEPP, bahawa ekspedisi mengelilingi Pulau Jerejak tersebut antara lain adalah bertujuan untuk melihat sendiri keindahan semula jadi Pulau Jerejak yang belum 'terusik' dengan aktiviti pencemaran yang dikatakan juga sebuah pulau yang diselubungi dengan pelbagai cerita misteri dan amat menarik untuk diterokai.



Seminggu sebelum kejayaan ekspedisi mengelilingi Pulau Jerejak, iaitu pada 17- 20 Januari, sekumpulan 33 orang pelajar telah berjaya membuktikan bahawa penerapan konsep kelestarian yang diwara-warakan oleh USM

Berita Kampus Kejuruteraan Sepanjang Tahun 2013

bersifat holistik dengan berjaya 'menawan' Gunung Bintang yang berketinggian 1862 meter.

Program pendakian tersebut telah memberikan suatu pendedahan dan pengalaman yang tidak ternilai kepada pelajar untuk menghayati dan meresapi aroma keindahan dan kehijauan alam semula jadi ciptaan yang Maha Kuasa.

Kepada KRU, "Syabas dan Tahniah" daripada warga Kampus Kejuruteraan dengan harapan kejayaan ini akan membuahkan lebih banyak lagi ekspedisi yang dapat memposisikan kita sebagai sebuah Universiti yang sentiasa memiliki ekospera terkehadapan.

Teks: Mokhtar Alfakari Anurbek & Fadzley Hassan

Foto: Sumber Kelab Rekreasi USM (KRU)

BACAAN YASSIN DAN SOLAT HAJAT UNTUK KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN LAHAD DATU



7 Mac 2013 – Sesungguhnya sebagai rakyat Malaysia sudah pasti kita tersentuh apabila ada anggota keselamatan yang mempertahankan negara terbunuh dalam konflik Pecerobohan di Lahad Datu baru-baru ini. Sehingga kini, belum ada bibit penyelesaian secara aman yang dapat kita lihat. Sehubungan dengan itu, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar melalui Unit Kesukarelawan Pelajar bersama Majlis Perwakilan Pelajar telah mengadakan Majlis Bacaan Yassin dan Solat Sunat Hajat untuk mendoakan kesejahteraan anggota keselamatan yang menjaga kedaulatan dan keamanan negara di Lahad Datu yang kini dalam keadaan membimbangkan.



Program yang dirancang secara *Ad-Hoc* ini mendapat sambutan yang luar biasa. Majlis telah dimulakan dengan solat maghrib dan diikuti dengan ucapan wakil Pengarah Kampus iaitu Profesor Nor Azazi Zakaria. Setelah selesai sahaja solat isya', solat sunat hajat dilaksanakan. Disamping bacaan yassin dan solat sunat hajat khusus untuk kesejahteraan dan kemakmuran Lahad Datu daripada berterusan, Tabung Sumbangan untukmu Perwira juga telah dilancarkan oleh Profesor Nor Azazi Zakaria.



Semoga seluruh warga USM Kampus Kejuruteraan mendoakan yang terbaik untuk semua yang terlibat dalam konflik Lahad Datu terutama kepada masyarakat setempat dan anggota keselamatan seterusnya menyumbang sekadar yang mampu untuk Tabung Sumbangan untukmu Perwira.

Informasi oleh: Mohd Kamil Ashar

Foto: Shafizan Zoolkiffli

LAWATAN KWASA LAND KE TAPAK BIOECODS, PROJEK PERINTIS SISTEM SALIRAN MESRA ALAM



13 Mac 2013 - Kwasa Land Sdn Bhd (Kwasa Land), unit dibawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), merupakan pemaju induk bandar baru Kwasa Damansara di Sungai Buloh telah berkunjung ke tapak Sistem Saliran Bio-Ekologi (BIOECODS), Kampus Kejuruteraan pada 1 Mac yang lalu. Kunjungan rombongan ini telah disambut oleh Pengarah REDAC, Profesor Dr. Nor Azazi Zakaria dan wakil Pengarah Kampus Kejuruteraan.

Rombongan yang diketuai oleh Hj. Mohd Razman Othman, Pengurus Besar, turut disertai oleh pihak berkuasa tempatan yang terdiri daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan juruperunding-juruperunding Kwasa Land.

Projek pembangunan Kwasa Damansara, merupakan projek gabungan pembangunan perumahan, komersil, rekreasi, institusi dan fasiliti pelajaran yang akan menampung populasi sasaran seramai 150,000 orang. Cadangan pembangunan Kwasa Damansara juga akan menawarkan keperluan eko untuk bandar baru moden, termasuk taman-taman yang luas dan lain-lain penggunaan teknologi mesra alam dalam pembangunan prasarana.

Terdahulu, Profesor Dr. Nor Azazi Zakaria dalam taklimatnya kepada rombongan pelawat berkata, BIOECODS yang dilaksanakan di Kampus Kejuruteraan USM ini merupakan hasil kerjasama pintar antara USM dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia dengan menggunakan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) yang diperkenalkan oleh JPS iaitu pengekalan kitaran air hujan dalam sistem ekologi. BIOECODS merupakan sistem saliran mapan yang menggunakan pendekatan kawalan pada punca, pengecilan aliran dan rawatan air melalui proses-proses penahanan, penyusupan dan penyucian supaya kualiti air larian iaitu air hujan dari kawasan pembangunan dikekalkan seperti keadaan asal.

Rombongan ini melakukan lawatan rasmi ke Kampus Kejuruteraan USM untuk meninjau sendiri kejayaan tersebut yang disifatkannya sangat baik dan perlu dicontohi dan akan diperluaskan serta diaplikasikan di bandar baru Kwasa Damansara. Datuk Bandar MBPJ, Datin Paduka Alinah Ahmad juga turut serta menghadiri taklimat dan lawatan ini untuk mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai kaedah-kaedah dan pelaksanaan BIOECODS di bandar baru seluas 943 hektar masa akan datang. Sistem ini merupakan sistem saliran mapan terbukti dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Teks : Mohd Kamil Ashar

Foto : REDAC

LAWATAN TIGA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM, JEPUN



PULAU PINANG - Universiti Sains Malaysia telah menerima delegasi dari Jepun yang terdiri daripada 3 buah institusi pengajian tinggi awam Jepun iaitu Toyohashi Universiti Teknologi (TUT), Nagaoka Universiti Teknologi (NUT) dan Institut Kebangsaan Kolej Teknikal (INCT) pada 4 hingga 5 Mac 2013 yang lalu.

Delegasi tersebut diketuai oleh Timbalan Presiden Toyohashi Universiti Teknologi iaitu Prof. Dr. Mitsuteru Inoue. Mereka terdiri daripada Profesor Pengarah International Cooperation Center for Engineering Education Development (ICCEED) iaitu Prof. Dr. Naohiro Hozumi, Prof. Dr. Akihiro Wakahara (Penasihat Presiden), Prof. Dr. Yoshiharu Mutoh (Timbalan Presiden Nagaoka Universiti Teknologi), Prof. Dr. Masato Aketagawa (Chairman of Overseas Internship Division, NUT), Dr. Jun Kyokane (Pengarah Institut Kebangsaan Teknikal Kolej), Mr. Watanabe Akihiro, Puan Shibata, Puan Irai dan Mr. Tsukada sebagai pegawai pentadbiran. Delegasi turut diiringi oleh Dr. Asrulnizam Abd Manaf yang merupakan Profesor Madya Kunjungan di ICCEED, Toyohashi Universiti Teknologi dan beliau adalah staf di Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.



Ketibaan delegasi di Kampus Kejuruteraan telah disambut oleh Pengarah Kampus, Prof. Dr. Zainal Arifin Mohd. Ishak serta beberapa wakil Pusat Pengajian terdiri daripada Prof. Dr. Hanafi Ismail (Dekan Pusat Pengajian

Berita Kampus Kejuruteraan Sepanjang Tahun 2013

Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral), Dr. Norlaili Mohd Noh (Timbalan Dekan Akademik Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik), dan juga Dr. Yeoh Fei Yei (Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral) dimana beliau merupakan bekas pelajar TUT.

Tujuan delegasi tersebut adalah untuk berbincang mengenai International Internship Program dan cadangan penubuhan Oversea Campus TUT di USM. Projek tersebut adalah projek kebangsaan yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Sukan, Sains dan Teknologi (MEXT), Jepun kepada TUT bersama NUT dan INCT.



Menurut Prof. Dr. Naohiro Hozumi, program latihan industri dan cadangan penubuhan kampus luar TUT lebih berfungsi bagi menyelaraskan penghantaran pelajar Jepun di tiga universiti tersebut ke latihan industri di sekitar Pulau Pinang dengan kerjasama dari USM.

Selain itu, lawatan ini diharap dapat menjadi pemangkin bagi menggalakkan lagi kerjasama USM dengan TUT dari segi penyelidikan mikroelektronik dan semikonduktor khususnya serta bidang-bidang penyelidikan yang lain umumnya. Program international internship ini juga dicetuskan adalah untuk mendedahkan kepada para pelajar pengalaman bekerja dalam suasana yang lebih global serta merupakan satu usaha universiti bagi melahirkan graduan-graduan yang berfikiran kritis.



Secara tidak langsung, program ini diharap dapat memberi peluang kepada pelajar USM bagi menimba

Berita Kampus Kejuruteraan Sepanjang Tahun 2013

pengalaman latihan industri di Jepun yang mana penempatan pelajar akan diselaraskan oleh pihak TUT atau NUT. Oleh yang demikian, lawatan dua hari ini lebih kearah perbincangan bagi mencapai mekanisma yang sesuai dan persetujuan bagi kedua belah pihak iaitu TUT, NUT, INCT dan USM.

Delegasi juga turut dibawa melawat fasiliti-fasiliti yang terdapat di Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral, Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik serta CEDEC bagi mengukuhkan kerjasama penyelidikan seterusnya perbincangan ringkas dalam usaha menjayakan program tersebut.

Teks : Mohd Kamil Ashar

Foto : Shafizan Zookiffli

CAREER FAIR 2013 TITIK PERMULAAN SATU KEJAYAAN



22 Mac 2013 – Kerjasama yang erat dan usaha yang kuat diantara para pelajar, dekan-dekan, ketua-ketua PTJ dan kakitangan BHEPP telah menjadikan *Career Fair* pada tahun ini antara yang terbaik pernah dianjurkan.



Acara simbolik majlis rasmi pembukaan *Career Fair* 2013 telah disempurnakan oleh Profesor Adnan Hussein, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar) bersama dengan Pengarah Kampus Kejuruteraan iaitu Profesor Zainal Arifin Mohd Ishak.



Program yang bermula pada 20 hingga 21 Mac ini telah berjaya mencatatkan peningkatan syarikat yang turut sama mengambil bahagian iaitu sebanyak 72 buah firma termasuklah 13 daripadanya dibawa masuk oleh Japanese Chamber of Trade and Industri Malaysia (JACTIM). Semua firma dan syarikat yang telah menyertai program ini diberi cenderamata sebagai tanda penghargaan atas sokongan dan komitmen yang ditunjukkan.



Program yang telah memasuki tahun ke 7 ini juga telah berjaya menarik lebih 2000 pengunjung dan ini merupakan satu angka yang paling tinggi dalam sejarahnya.



Majlis penutupan program telah diadakan di Sunway Convention Centre, Seberang Jaya dan disempurnakan oleh Profesor Muhamad Jantan, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) selaku Pemangku Naib Canselor.



Dalam ucapan ringkasnya, beliau mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua yang terlibat dalam aktiviti Career Fair terutamanya kepada Pengarah Career Fair 2013 iaitu Encik Chong Teck Nan dan juga kepada syarikat/firma yang turut sama dalam menjayakan program ini. Beliau juga menyatakan hasrat supaya program Career Fair ini dapat meningkatkan *standard* dan status USM di peringkat antarabangsa.



Bagi mereka yang berjaya dalam temuduga diharapkan *Career Fair 2013* merupakan medan permulaan kepada para pelajar dalam menggilap kerjaya masa hadapan seterusnya menggapai kejayaan dan cita-cita yang diimpikan.

Informasi : Mohd Kamil Ashar & Sher Singh Bhullar

Foto : Shafizan Zookiffli & Soo Wei Jie

KEMPEN EARTH HOUR 2013: USM KEJURUTERAAN MENYAHUT SERUAN



26 Mac 2013 – Kampus Kejuruteraan menyertai tempat-tempat lain di seluruh dunia dalam Kempen Earth Hour 2013, dengan tema “Beyond The Hour” bergelap selama sejam mulai 9.10 sehingga 10.10 malam pada 23 Mac baru-baru ini.



Program yang diuruskan oleh Sekretariat Ecoteam, Aiesec, Persatuan Bahasa *Tionghua*, *Students Society of Electrical & Electronic Engineering* dengan kerjasama BHEPP Kampus Kejuruteraan dan Pejabat Pengarah ini tidak lain dan tidak bukan adalah bertujuan untuk menyelamatkan bumi daripada pemanasan global dan perubahan iklim.



Majlis telah dirasmikan oleh Profesor Nor Azazi Zakaria, Pengarah REDAC bagi mewakili Pengarah Kampus. Beliau yang juga diiringi isteri, Puan Noor Asmah Hashim sangat berpuashati dengan penglibatan yang ditunjukkan oleh warga kampus kejuruteraan.



Seramai lebih 200 mahasiswa/siswi & warga kampus mengambil bahagian pada tahun ini. Seiring dengan kempen tersebut para pelajar tidak melepaskan peluang untuk turut sama menunjukkan keprihatinan mereka terhadap alam dengan menyertai pelbagai aktiviti yang dianjurkan.

Sejurus lampu dipadam, semua warga kampus yang hadir di Dewan Utama, Kampus Kejuruteraan bersorak sebagai tanda sokongan terhadap kempen tersebut.



Hasil kreativiti dan kesungguhan mereka yang terlibat, aktiviti di Kampus Kejuruteraan telah dilaksanakan sebulan lebih awal sebelum acara kemuncak diadakan. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan seperti tayangan *earth hour movie*, *recycle art workshop*, *earth hour walk*, pertandingan fotografi, bengkel dan diskusi, konsert, simbolik penyalan lilin, pameran yang disertai oleh pelajar dari negara luar seperti Jerman, China, Jepun, Oman dan beberapa lagi.

Sokongan padu yang ditunjukkan oleh para pelajar khususnya dapat membuktikan keprihatinan warga USM dalam isu-isu kelestarian global.

Teks: Mohd Kamil Ashar & Normala Omar

Foto : Shafizan Zookiffli

SCHOOL OF EE COOPERATES WITH NUVOTON IN ACADEMIC PROGRAM



PENANG, 23 April 2013 - School of Electrical and Electronic Engineering, Universiti Sains Malaysia (SEE USM) formed a partnership with Nuvoton Technology Corporation (NTC), Taiwan, a chip design company having a high interest to partner in 'Academic Programs'. Nuvoton had donated and provided 20 microcontroller NuMicro ARM Cortex™-M0 NUC 140 learning boards, document, facility for the class for research based on microcontroller ARM Cortex™-M0. Nuvoton had before this donated two units of NuMicro ARM Cortex™-M0 microcontroller learning boards for pre study. This program enables microprocessor and embedded systems courses teaching platform for SEE USM students, lecturers, and professors. It is also to provide knowledge and understanding to students about the latest microcontroller technology 32-bit ARM Cortex™-M0. In addition, transfer of information and technology between the industry and academia will provide mutual benefits to both sides and also realized the technology transfer between Malaysia and Taiwan.

Professor Mohd. Zaid Bin Abdullah, Dean of the SEE USM, had been for many years engaged in microprocessor and embedded systems related teaching and research applications. He is the key person in charge of Nuvoton Academic Program in SEE USM. The plan of Nuvoton's academic program is mainly to provide training to students for the mainstream products in next 1~2 decade, and subsequently to projects or software development in the next stage. This program had begun in January 2013 and Nuvoton will visit SEE USM soon for meeting and discussion regarding academic program plan and evaluation.

Microprocessor in the next 20 years, is still widely used in mainstream architecture, and it is hoped that through the courses attended by the SEE USM students, these students will be able to catch up with the industrial technology, standards synchronization industry cultivating for more competitive talents. In the future, SEE USM and Nuvoton will have a further technical education, training, and research cooperation.

The 32-bit ARM Cortex™-M0 microprocessor is significantly improved in computing speed and application performance, common used in car electronics, such as: audio, window controls, navigation system, and so on, through the internet and vehicle electronic communication, to expand the surrounding function. Nuvoton academic program also want to take the industry's latest embedded platform ARM Cortex™-M0, not only to learn the basic control theory and implementation, but also allows students to learn the basic tools and production processes required by electronics engineers, due to the course content information and examples of both practicality, helps students thematic studies and significantly enhance future employability. In the future, Nuvoton will continue to support the microcontroller-based research conducted by SEE USM.

source: <http://ee.eng.usm.my>

PROGRAM JELAJAH JAYA 25 TAHUN



26 April 2013 - Program Jelajah Jaya 25 Tahun telah diadakan selama 6 hari bermula pada 8 hingga 13 April 2013 yang lalu. Seramai 37 orang peserta yang terdiri daripada 3 orang pegawai pengiring, 5 orang staf Desasiswa Jaya dan 29 orang pelajar kejuruteraan daripada pelbagai jurusan telah menjayakan Program Jelajah Jaya 25 Tahun.

Semangat dan jati diri yang tinggi, telah membawa para peserta menawan Gunung Kinabalu sebagai simbolik dalam menyambut ulangtahun ke 25 penubuhan Desasiswa Jaya, Kampus Kejuruteraan.



Program Pemindahan Ilmu juga dijalankan antara pelajar USM dan pelajar SMKA Tun Ahmad Shah bagi memperkasakan ilmu kepada masyarakat. Selain itu, Memorandum Persefahaman antara Majlis Penghuni Desasiswa Jaya Universiti Sains Malaysia dan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa Kolej Kediaman Kampung E Universiti Malaysia Sabah juga termeterai dalam usaha melestarikan desasiswa dan kolej kediaman.



Secara Keseluruhannya, program Jelajah Jaya 25 Tahun yang tersirat dengan pelbagai makna dan tujuan murni ini telah berjalan dengan lancar.

Teks : Mohd Kamil Ashar & Julaila Abd Aziz

Foto : Khairul Zaman Zakaria, Hazirah Hanim Zaharuddin & Muhammad Hazwan Hisyam

USM CEMERLANG DI ITEX 2013: RAIH 13 EMAS DARI 15 PENYERTAAN



KUALA LUMPUR, 10 Mei 2013 - Universiti Sains Malaysia (USM) cemerlang dengan merangkul 13 Emas dan 2 Perak daripada 15 penyertaan di Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa ke 24 (ITEX 2013) yang berlangsung di sini hari ini.



Turut cemerlang, Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral, Prof. Hanafi Ismail kerana membawa pulang Anugerah Khas, yang mana produk beliau iaitu r-RubFoam-A Novel Solution for Global Oil Spills diiktiraf oleh Korea.

Menurut ketua delegasi penyelidik-penyelidik USM, Prof. Rahmat Awang kejayaan ini adalah sungguh memberangsangkan dan dapat memberikan motivasi kepada penyelidik yang lain untuk terus menjalankan penyelidikan.

Berita Kampus Kejuruteraan Sepanjang Tahun 2013

Senarai penuh pemenang adalah seperti berikut : -

- 1) Ecofriendly and Userfriendly Lipase Assay Kit : Prof. K. Sudesh Kumar C Kanapathi Pillai - EMAS
- 2) Ammiba Bleaf Eco Wrap : Prof. Madya Baharin Azahari - EMAS
- 3) Porcine DNA Detection Kit : Prof. Madya Dr. Tang Thean Hock -EMAS
- 4) Universal Suspended Handle Adaptor For Petrol Engined Grass Trimmer : Prof. Zaidi Mohd Ripin - EMAS
- 5) Dental Nanocomposite from Rice Husk : Prof. Ismail Ab Rahman - PERAK
- 6) Bal Ex Zuraida-Shah Rotatory Chair : Dr. Zuraida Zainun - EMAS
- 7) ePronounce -Enabling Correct Pronunciation Across Cultures : Prof. Fong Soon Fook - EMAS
- 8) Stepping Force Analgesic Meter : Dr. Yam Mun Fei - EMAS
- 9) BISTEA : Dr. Uthumporn Utra @ Sapina Abdullah - EMAS
- 10) TCP.Com : Prof. Radzali Othman - EMAS
- 11) r-RubFoam-A Novel Solution for Global Oil Spills : Prof. Hanafi Ismail - EMAS
- 12) Electronic Decision Pole for Palm Oil Fruit Ripeness Detection : Dr. Zaini Abdul Halim - EMAS
- 13) Grammar Assessment System : Prof. Abdul Rashid Mohamed – EMAS
- 14) Porous Medium Stove witg Cogeneration : Prof. Mohd Zulkifly Abdullah – EMAS
- 15) Intelligent Concrete Mix Designer (ICMD) : Prof. Madya Taksiah A. Majid - PERAK

sumber: <http://www.usm.m>

KEJOHANAN RAGBI USM 10's 2013



14 Mei 2013 – X-SEMSIRA mempamer persembahan cemerlang seterusnya muncul sebagai juara baru merampas Piala Pusingan Kejohanan Ragbi USM 10's edisi ke-9 yang telah berlangsung selama dua hari bermula 11 dan 12 Mei 2013 yang lalu di Padang Kompleks Sukan, Kampus Kejuruteraan.

Kejohanan di bawah anjuran Kelab Ragbi USM, Kampus Kejuruteraan dengan kerjasama Unit Sukan, USM Kampus Kejuruteraan kali ini telah berjaya menarik penyertaan sebanyak 28 buah pasukan dari seluruh negara bagi kategori terbuka Kelab/IPT dan 10 buah pasukan dari kategori sekolah.

Johan tahun lalu iaitu Majlis Perbandaran Klang hanya mampu berada di tempat ketiga dengan menyerahkan Piala Pusingan Kejohanan kepada X-SEMSIRA dengan membawa pulang wang tunai RM700.00.



X-SEMSIRA yang muncul sebagai johan membawa pulang Piala Pusingan, Piala Iringan dan wang tunai RM2,000.00.

Berita Kampus Kejuruteraan Sepanjang Tahun 2013

Sekalung tahniah diucapkan kepada Allianze University College of Medical Sciences (AUCMS) yang pertama kali menyertai kejohanan ini dan berada di tempat kedua dengan membawa pulang wang tunai RM1,000.00

Sek. Men. Vokasional Yahya Petra, Kuala Krai, Kelantan merupakan juara baru bagi kategori sekolah manakala naib juara disandang oleh Pasukan Ayer Hitam.

Pemain Terbaik Keseluruhan Kategori Sekolah telah dinobatkan kepada Mohd Azuan Zuwairi dari Pasukan Sek. Men. Vokasional Yahya Petra manakala bagi Kategori Terbuka diserahkan kepada pemain dari Pasukan X-SEMSIRA Mohd Amin Jamaluddin.

Majlis Penutup Kejohanan telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Encik Muhammad Bin Mohd Hanif, Pengarah Pusat Sukan USM, pada pukul 5.00 petang 12 Mei 2013 di Kompleks Sukan, Kampus Kejuruteraan.

Teks : Mohd Kamil Ashar & Siti Salwa Suhaida Mohd Ibrahim

Foto : Shafizan Zookiffli

PROGRAM #TwtUpKejut MEMBENTUK JATI DIRI PELAJAR



PULAU PINANG, 23 Mei 2013 – Kampus Kejuruteraan telah dimeriahkan dengan Program kemuncak #TwtUpKejut yang diadakan selama satu hari di Kafe Lembaran pada 11 Mei 2013 yang lalu.

Program yang dirancang oleh para pelajar Kampus Kejuruteraan ini telah berjaya menarik penglibatan dari kalangan masyarakat setempat dan para pelajar sendiri. Menurut Pengarah Projek, Muhammad Danial Jafni, Program #TwtUpKejut ini diadakan adalah bertujuan untuk membantu golongan yang memerlukan dalam masyarakat serta turut menandakan Kampus Kejuruteraan di dalam peta Malaysia melalui medium Twitter.



Beberapa aktiviti telah berjaya dilaksanakan dua bulan sebelum hari kemuncak seperti pertandingan Photo Contest, Video Contest dan program yang dinamakan Heart2Heart.

Kemeriahan program bermula diawal pagi dengan aktiviti larian amal yang dinamakan A Walk For Life. Program diteruskan dengan Ceramah Membela Nasib Gelandangan dan pertandingan akhir CyberWar pada waktu petang seterusnya berakhir dengan Konsert Amal #TwtUpKejut pada sebelah malam.



Sifat ingin membantu golongan yang memerlukan telah membentuk dua program utama dalam #TwtUpKejut iaitu Heart2Heart anjuran Sekreteriat Kesukarelawan Adikarma dalam membela nasib gelandangan di Pulau Pinang manakala program A Walk For Life pula merupakan keprihatinan mereka dalam membela nasib pesakit kanser.

Pelbagai kerjasama dijalankan diantara #TwtUpKejut dengan badan-badan bukan kerajaan seperti UNGGAS dan National Cancer Society Malaysia (NCSM) untuk membantu golongan berkenaan. Sebanyak RM3,250.00 berjaya dikumpul dalam larian amal A Walk For Life dan disalurkan kepada (NCSM) untuk membela nasib pesakit kanser.

Bagi program Heart2Heart pula, sebuah pra-program turun padang telah dijalankan untuk mendekatkan lagi para pelajar dengan golongan gelandangan dalam membantu mereka seperti memberi sokongan moral, fizikal dan mental.



Kemuncak program telah diserikan dengan Karnival Amal dan Keusahawanan #TwtUpKejut oleh Majlis Penghuni Desasiswa Jaya. Menurut pengarahnya Cik Fatin Aina, karnival diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Kerjasama pelajar dengan Seventeen Eleven Entertainment telah berjaya memeriahkan majlis dengan konsert amal yang menampilkan enam artis tanah air iaitu Najwa Latif, iamNEETA, The Alif, House of Five, Deanna Hussin dan Shazamir. Tidak ketinggalan Adikarma Kampus Induk dan Adikarma Kampus Kejuruteraan turut bersama-sama membuat persembahan tarian tradisional pada konsert tersebut.

Secara keseluruhannya, program #TwtUpKejut yang julung kali diadakan di Universiti Sains Malaysia, Kampus Kejuruteraan yang membawa pelbagai tujuan murni telah berjalan dengan lancar.

Teks: Mohd Kamil Ashar & Muhammad Danial Jafni Jasmi

Foto: Nor Amira Syakira Mohd Nasri & Nur Adilah Mohamed Daud

DAPUR GAS 2 DALAM 1: MASAK SAMBIL CAS ALAT ELEKTRONIK



PULAU PINANG, 28 Mei 2013 – Dapur gas berliang, inovasi unik ciptaan penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) diyakini dapat memberi kemudahan dan nilai tambah kepada pengguna khususnya pada mereka yang gemarkan aktiviti luar seperti perkhemahan dan sebagainya.

Bukan sekadar boleh digunakan untuk memasak, dapur gas yang diubahsuai menggunakan bahan berliang yang lebih dikenali sebagai Porous Medium Stove With Cogeneration itu juga boleh digunakan untuk mengecas alat elektronik seperti telefon bimbit, bateri dan sebagainya.

Menurut Ketua Penyelidik, Prof. Mohd. Zulkifly Abdullah dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal (PPKM) USM, dapur gas tersebut mempunyai keistimewaan tertentu termasuk mengurangkan pencemaran gas karbon monoksida.

Selain itu katanya, dapur gas mesra alam tersebut turut memberi penjimatan bahan bakar sehingga 50 peratus berbanding dapur gas konvensional dan turut berupaya menjana kuasa elektrik bagi mengecas alat-alat elektronik termasuk telefon bimbit.

"Dapur ini belum ada dalam pasaran di negara ini dan ia sangat bermanfaat kepada pengguna yang gemar melakukan aktiviti luar khususnya di kawasan perkhemahan yang tidak dilengkapi dengan bekalan kuasa elektrik.

"Dapur gas ini menjana kuasa elektrik melalui termal elektrik yang diperbuat dari seramik. Inovasi ini juga terbukti jauh lebih baik dan ia menghasilkan haba lebih panas berbanding dapur gas konvensional," katanya.

Tambah beliau, inovasi tersebut yang dihasilkan melalui pembiayaan geran penyelidikan termaju untuk penghasilan prototaip (PRGS) boleh diaplikasikan menggunakan pelbagai jenis bahan bakar termasuk gas butana (luaran) atau LPG (dalaman).

Inovasi beliau juga turut berjaya meraih pingat emas dalam 24th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Mengulas isu pengkomersialan, Naib Canselor USM, Prof. Dato' Omar Osman yang turut hadir mempengerusikan sidang media inovasi itu berkata, rekacipta penyelidik tersebut diyakini dapat menarik

perhatian rakan industri ekoran daripada manfaat yang ditawarkan.

Katanya, pihak industri juga sentiasa mencari inovasi-inovasi unik untuk diketengahkan yang mempunyai potensi untuk digunakan secara meluas oleh pengguna-pengguna di negara ini.

"USM sentiasa menyokong usaha penyelidikan para pensyarah dan dalam masa yang sama turut membantu mereka untuk bergelar usahawan melalui usaha-usaha ke arah pengkomersialan.

"Biarpun ia bermula dalam skala yang kecil dengan teknologi yang rendah, namun ia lebih bermanfaat untuk perkembangan penyelidikan pada masa depan dan memberi daya saing kepada produk-produk penyelidikan akademik tempatan," ujarinya.

Teks: Marziana Mohamed Alias

Foto: Utusan Malaysia

USM DI HATI RAKYAT MALAYSIA



KUALA LUMPUR, 4 Jun 2013 – Universiti Sains Malaysia (USM) dianugerahkan sebagai universiti awam paling dipercayai rakyat Malaysia dalam anugerah Reader's Digest Trusted Brands 2013 yang berlangsung di sini baru-baru ini. Majlis anugerah ini adalah yang ke-15 meraikan agensi dan syarikat-syarikat yang dapat menarik minat pengguna kepada sesuatu jenama.

USM diberikan anugerah Emas serta mengungguli kategori perkhidmatan (pendidikan) pilihan rakyat bagi kajian yang dijalankan oleh Reader's Digest terhadap pengguna dalam negara dan di peringkat Asia.

Kajian ini dijalankan di tujuh pasaran seluruh Asia iaitu Malaysia, Singapura, Hong Kong, India, Filipina, Taiwan dan juga Thailand.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa USM, Prof. Dato' Ahmad Shukri Mustapa Kamal hadir bagi menerima anugerah tersebut yang telah disampaikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Tahniah kepada semua pengurusan tertinggi USM kerana mengekalkan anugerah ini sejak 2010.

sumber: www.usm.my

USM KEJURUTERAAN DEKATI MASYARAKAT DI PENDANG, KEDAH



KEDAH, 10 Jun 2013 – Program anjuran Pusat Islam, Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama Jawatankuasa Masjid Jamiul Rahman, Kariah Paya Kelubi, Pendang, Kedah pada 7 dan 8 Jun baru-baru ini mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat dan pelbagai pihak.



Bermula dengan pelancaran Tabung untuk membina Dewan Serbaguna yang telah disempurnakan oleh Prof. Madya Nasirun Hj. Mohd Saleh pada tahun 2011 telah memperlihatkan hasilnya. Dewan yang diberi nama Dewan As-Syakirin dan melibatkan kos melebihi RM100,000.00 ini telah siap dibina pada penghujung tahun 2012.



Majlis perasmian dewan tersebut telah disempurnakan oleh Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan, Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak bagi mewakili Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia. Menurut beliau, USM bukan sekadar sebuah institusi yang hanya memberikan ilmu malah merupakan sebuah organisasi yang sentiasa prihatin dalam hal-hal yang berkaitan dengan kemasyarakatan dan sebagainya.



Menerusi kerjasama yang baik dengan Jawatankuasa Masjid, beberapa program telah berjaya dilaksanakan selama dua hari berkampung di Pendang antaranya Pameran dan Kursus ICT, Forum Perdana, Kuliah Subuh dan Pemeriksaan Kesihatan.



Pelbagai program lain seperti pertandingan mewarna dan gubahan turut diadakan. Pada majlis ringkas itu, beliau turut berbesar hati menyerahkan 10 unit komputer terpakai sumbangan Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia untuk kegunaan anak-anak dan penduduk kampung tersebut.



Inovasi oleh sekumpulan penyelidik daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik yang diketuai oleh Profesor Dr. Zaidi Mohd Ripin juga telah dimanfaatkan kepada penduduk kampung. Sebanyak 80 unit alat yang diberi nama Pengasing Getaran untuk Mesin Rumput telah diberi secara percuma kepada mereka.



Selain itu, pengunjung yang hadir turut berpeluang melihat matahari, bulan dan bintang di angkasa dengan menggunakan teleskop yang disediakan oleh Unit Falak, Pulau Pinang dan Kedah.



Selepas majlis perasmian, semua pengunjung disajikan dengan jamuan makan tengah hari yang disediakan oleh pihak Jawatankuasa Masjid bersama Jawatankuasa Program USMku Bersama Masyarakat, Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia.



Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak yang menjayakan program ini sama ada secara langsung atau tidak langsung dan diharap program khidmat masyarakat seumpama ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan.



Teks oleh: Mohd Kamil Ashar

Foto: Rashidi Razak, Shamsul Ishak & Bani Faiddzainami Baniyamin

415 PENERIMA APC DIRAI



PULAU PINANG, 10 Jun 2013 – Seramai 415 orang staf cemerlang dari Kampus Induk dan Kampus Kejuruteraan termasuk Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) diraikan pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) di sini hari ini. Ini tidak termasuk 370 orang staf cemerlang di Kampus Kesihatan yang akan diraikan di majlis yang berasingan di Kelantan pada 17 Jun 2013.

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Dato' Dr. Omar Osman berkata, melalui Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia didapati ramai calon yang layak dan telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang iaitu seramai 73% staf memperolehi markah purata melebihi 85%.

“Pengiktirafan ini diberikan kepada pelbagai lapisan staf yang cemerlang iaitu 50.32% terdiri daripada kumpulan perkhidmatan Sokongan I, 20.51% Sokongan II, seramai 119 (15.16%) daripada kumpulan Akademik dan 88 (11.21%) orang penerima daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional. Selain itu, seramai 21 (2.68%) penerima daripada kumpulan Tertinggi Khas dan seorang (0.13%) penerima daripada Kumpulan Tertinggi Utama iaitu Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Muhamad Jantan,” kata Omar.

“Saya berharap dengan pengiktirafan ini, semua staf akan lebih meningkatkan lagi motivasi dan menjadi pembakar semangat untuk berusaha bersungguh-sungguh demi kecemerlangan USM.

“Saya berharap juga semua staf untuk mencapai kecemerlangan dan iltizam menjadi cemerlang walaupun tidak terpilih menerima anugerah ini setiap tahun serta menjadi pendorong kepada staf yang lain. Pada masa yang sama tiada di kalangan staf yang menjadi beban kepada ketua jabatan,” jelas Omar lagi.



Majlis seumpama ini diadakan setiap tahun untuk meraikan dan mengiktiraf serta menyampaikan sijil kepada warga USM yang terpilih dan telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun.

“Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima-penerima APC 2012,” ucap Omar mengakhiri ucapan beliau.

Teks: Nor Rafizah Md Zain / Foto: Mohd Fairus Md Isa / Sumber: www.usm.my

BUDI STAF DIHARGAI



PULAU PINANG, 14 Jun 2013 – Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Omar Osman menyampaikan Anugerah Sanjungan Budi kepada 50 orang staf dari Kampus Induk dan Kampus Kejuruteraan di sini hari ini.



Majlis anugerah ini diadakan setiap tahun bagi meraikan staf yang berkhidmat di Universiti selama 25 tahun.

Menurut Omar, staf yang berkhidmat melebihi 25 tahun adalah tonggak utama universiti yang mula ditubuhkan 45 tahun yang lalu. Mereka ini dihargai kerana telah menabur bakti dan jasa sekian lama untuk USM, dan diharap dapat terus meningkatkan motivasi dalam bekerja di samping menjadi role model kepada staf yang baharu.



“Saya berharap semua dapat meneruskan khidmat, kepakaran dan komitmen dalam kerjaya bagi mencapai aspirasi Universiti dan melahirkan lebih ramai generasi berilmu,” kata Omar di dalam ucapan perasmian.

Di samping itu, beliau juga mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa ribut dan angin kuat yang melanda Pulau Pinang petang kelmarin.



"Saya berharap supaya kita semua menjaga keselamatan dan juga kesejahteraan diri masing-masing dan kesihatan supaya dapat menjalani kehidupan yang lebih baik," ucap beliau.

sumber: www.usm.my

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM HILAL RAMADHAN 2013 M/1434 H



PULAU PINANG, 09 Julai 2013 – Bulan Ramadhan yang mulia kembali lagi menjenguk kita. Inilah musim di mana amal ibadah dilakukan dengan penuh khusyuk dan ikhlas yang akan mendapat ganjaran berlipat kali ganda daripada Allah S.W.T. Bulan ini juga Allah S.W.T membuka seluas- luasnya pintu kebaikan kepada hamba-hambaNya kerana Ramadhan ialah bulan limpahan ganjaran pahala yang penuh dengan kebaikan. Nabi Muhammad S.A.W menyatakan kelebihan bulan ini melalui hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. yang bermaksud ***“Apabila tibanya Ramadhan dibukakan pintu-pintu syurga maka tertutuplah pintu-pintu neraka dan syaitan-syaitan dibelenggu”***. Hadis riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim.



Alhamdulillah, pada 4 Julai yang lalu USM Kejuruteraan telah melancarkan satu program iaitu Program Hilal Ramadhan yang merupakan program tahunan yang disambut setiap kali menjelang bulan mulia ini. Berpegang kepada beberapa objektif antaranya untuk menghidupkan bulan Ramadhan dengan program-program yang dapat meningkatkan amal ibadah dan penghayatan Islam dalam kalangan warga kampus, menyediakan

kemudahan kepada seluruh warga kampus untuk sama-sama merebut segala kelebihan yang terkandung dalam bulan Ramadhan serta membentuk kesedaran peribadi agar lebih berdisiplin dan bersahsiah tinggi di antara satu sama lain.

Majlis perasmian Program Hilal Ramadhan ini telah disempurnakan oleh Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan, Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak bagi mewakili Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia. Menurut beliau, walaupun ramadhan pada kali ini dilihat agak suram tanpa kehadiran para pelajar tetapi ia bukanlah merupakan halangan bagi warga kampus untuk memeriahkan bulan yang mulia ini dengan pelbagai aktiviti keagamaan yang telah disusun dan dirancang sepanjang bulan.

Sebagai acara simbolik, Pengarah Kampus dengan sukacitanya telah membuat pelancaran Dana Tabung Aktiviti Ramadhan bagi tahun 2013. Selain itu, warga kampus yang hadir turut dihiburkan dengan persembahan nasyid daripada kumpulan yang sedang meningkat naik iaitu Kumpulan Nasyid Gemersik, berasal dari utara Semenanjung.



Seri sambutan hilal ramadhan telah disinarkan lagi dengan Ceramah Ilmu yang disampaikan oleh Y. Bhg. Dr. Danial Zainal Abidin dengan tajuk **Ramadhan : Sains dan Kecemerlangan Insan**. Selepas selesai ceramah, semua warga kampus yang hadir disajikan dengan jamuan perdana yang disediakan oleh pihak Jawatankuasa Aktiviti Ramadhan bersama Pusat Islam Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia.

Semoga pengisian program yang telah dirancang sepanjang bulan Ramadhan pada tahun ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai objektif yang digariskan. Seterusnya, semoga semua program yang dirancang dapat memberi manfaat kepada semua pihak khususnya warga Kampus Kejuruteraan dan penduduk sekitar amnya. Terima kasih diucapkan kepada barisan Jawatankuasa Pelaksana Program Hilal Ramadhan yang telah menyumbang dan bakal menyumbang idea, usaha dan tenaga dalam menjayakan program ini. Semoga dirahmati ALLAH.

INDAHNYA RAMADHAN...Awalnya adalah rahmat, pertengahan adalah keampunan dan penghujungnya adalah perlepasan dari azab api neraka.

Teks: Mohd Kamil Ashar

Foto: Shafizan Zoolkiffi

PELAJAR USM MENANG PERTANDINGAN REKA CIPTA



Georgetown: Pertandingan Reka Bentuk Inovasi Malaysia menyaksikan pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kejuruteraan diumumkan pemenang keseluruhan, sekali gus menewaskan lebih 180 kumpulan lain.

Kumpulan berkenaan yang terdiri daripada Heng Peng Zhi, 22, Lau Wei Cheang, 24, dan Ho Yoke Keong, 23, pelajar tahun akhir jurusan Kejuruteraan Elektrik berjaya menarik perhatian juri apabila mencipta alat mengenal pasti kematangan buah kelapa sawit.

Ketua kumpulan Peng Zhi berkata, alat yang diberi nama 'Oil Palm Fruit Ripeness Detection Kit For Harvesting Decision' itu dapat mengelakkan peladang rugi apabila menuai buah belum matang.

"Alat ini dicipta apabila peladang mengalami kesukaran mengenal pasti kematangan buah dan hanya menggunakan kepakaran sendiri untuk menuai buah.

"Justeru, alat ini yang terdiri daripada mesin akan mengenalpasti kematangan dan secara tidak langsung memudahkan peladang menuai buah yang sudah masak," katanya.

Selain anugerah berkenaan, mereka juga memenangi kategori Anugerah Tesis Terbaik dan Anugerah National Instrument, sekali gus membawa pulang wang tunai masing-masing RM1,500 dan RM5,000 serta trofi.

Hadiah disampaikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Wahid Omar yang turut disaksikan Timbalan Presiden Agilent Technology Shidah Ahmad.

Sementara itu, Abdul Wahid berkata, pertandingan berkenaan menyaksikan peranan sektor swasta dalam mencari bakat baru di negara ini di samping membuka peluang bagi pelajar untuk mencipta teknologi baru yang dapat memberi manfaat kepada negara.

sumber: Harian Metro, 6 Julai 2013 (sabtu)

YONG BANG MING HARUMKAN NAMA USM DALAM SIMPOSIUM KEPIMPINAN



PULAU PINANG, 15 Julai – Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, Profesor Dato' Dr. Omar Osman mengucapkan syabas dan tahniah kepada pelajar tahun akhir Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Yong Bang Ming yang memenangi Axiata Leadership Award. Beliau dipilih bagi kategori Keusahawanan & Inovasi antara 250 orang peserta yang menyertai Malaysian Student Leadership Symposium 2013 yang berlangsung di Sasana Kijang, Kuala Lumpur baru-baru ini.

“Tahniah kepada Yong yang memenangi salah satu antara 10 kategori yang diadili oleh pihak penganjur dan dapat menandingi peserta lain yang terdiri daripada pelajar Malaysia di lebih 10 negara termasuk United Kingdom, Perancis dan India,” kata Omar semasa sidang media khas di sini.



Yong yang sangat aktif dalam berpersatuan sama ada di dalam atau di luar kampus berkata, penyertaan beliau ke

Berita Kampus Kejuruteraan Sepanjang Tahun 2013

simposium ini amat memberangsangkan dan berasa sungguh teruja kerana dipilih sebagai salah seorang pemenang.

Beliau juga memenangi banyak pertandingan reka cipta termasuk British Invention Show dengan hasil ciptaan beliau The Smart Cervix Kit dan membawa pulang tiga pingat emas dan dua anugerah khas.

“Sebagai ganjaran saya diberikan pas percuma untuk menjalani Axiata University Leadership Development Programme selama 16 hari pada bulan Ogos nanti,” kata Yong yang juga telah mendapat tawaran pekerjaan di Gamuda Berhad.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar), Profesor Adnan Hussien.

Teks: Nor Rafizah Md Zain

Foto 1: Mohd Fairus Md Isa

Foto 2: sumber facebook Yong Bang Ming

USM LAHIR JURUTERA BERJIWA LESTARI



Dengan kemajuan teknologi dan permintaan pasaran untuk jurutera mahir, Universiti Sains Malaysia (USM) mengambil inisiatif memenuhi keperluan itu dengan membentuk kurikulum berdasarkan kepada kualiti bagi mengenal pasti pelbagai pengkhususan selaras pembangunan pasaran tempatan dan antarabangsa, di samping integrasi seimbang pengajaran berdasarkan teori dengan praktikal.

Misi yang hendak dicapai USM dalam bidang kejuruteraan bahan dan sumber mineral ialah bagi membina pemahaman lebih besar dan berusaha menyediakan pendidikan berkualiti serta perkhidmatan yang cekap serta profesional. Ini dapat dicapai melalui pengetahuan yang luas, inovasi dan kepakaran terkini sambil menerapkan nilai etika yang murni berkonsepkan kelestarian.



Dekan pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral, Profesor Hanafi Ismail berkata, matlamat pusat pengajian itu selaras dengan sasaran kerajaan kerana mempunyai pensyarah terlatih dan pakar dalam bidang masing-masing, di samping peralatan lengkap serta terkini.

Kata beliau, walaupun satu-satunya pusat pengajian yang menawarkan program kejuruteraan bahan dan sumber mineral di Negara ini, pihaknya berharap agar tersenarai antara 100 universiti terbaik di dunia berikutan masalah pekerjaan dalam kalangan graduan tidak pernah timbul sama sekali. Antara lima bidang khusus kejuruteraan bahan dan sumber mineral ialah:

Biobahan

Biobahan merujuk kepada bahan sintetik yang disintesis atau direka untuk kegunaan dalam badan manusia sama ada sebagai implant, pengisi, perancah, syarikat penerbangan dan lain-lain. Di Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral USM, penyelidikan dan pembangunan biobahan telah giat melalui pendekatan pelbagai sudut iaitu dari segi bahan, proses dan aplikasi yang pelbagai.

Bagi mencapai ke arah itu juga, USM telah mengambil inisiatif untuk memenuhi keperluan dengan mempunyai

sekolah kejuruteraan sendiri yang dipisahkan daripada bidang lain berkaitan Sains Gunaan.

Misi ditetapkan adalah untuk diiktiraf di peringkat global sebagai sekolah kejuruteraan dinamik yang menghasilkan intelektual kreatif, inovatif dan pintar dengan etos ke arah pembelajaran sepanjang hayat dan mewujudkan masyarakat berasaskan pengetahuan.

Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral menawarkan tiga program iaitu Kejuruteraan Bahan, Kejuruteraan Sumber Mineral, Kejuruteraan Polimer di peringkat ijazah Sarjana Muda (Kepujian).

Komposit polimer

Aktiviti penyelidikan ke atas bahan maju, khususnya dalam komposit polimer di USM telah bermula dalam era 1980-an. Kajiannya sangat luas dengan meliputi pelbagai bahan polimer dari sintesis, pemprosesan dan pemasangan komposit polimer.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, bidang penyelidikan telah berkembang untuk merangkumi bidang khusus termasuk serat semula jadi polimer bertetulang, polimer nanokomposit, polimer mesra alam, kitar semula plastik, getah dan komposit serta plastik.

Bahan Nano

Nanoteknologi boleh ditakrifkan sebagai teknologi yang dilakukan pada skala nano. Ketika ini terdapat kepentingan dalam teknologi nano kerana mempunyai kesan besar ke atas reka bentuk dan kejuruteraan daripada produk pengguna sama seperti kosmetik, tekstil dan bangunan nanosistem terutama dalam bidang elektronik, teknologi maklumat, biologi, perubatan, tenaga, automotif, aeroangkasa dan tentera. Bahan nano yang terkenal ialah semikonduktor, logam dan seramik.

Bahan Struktur

Bahan struktur adalah istilah yang ditakrifkan sebagai bahan atau sistem bahan yang fungsi utamanya untuk menjadi beban (disebabkan oleh mekanikal, haba atau gabungan kedua-duanya). Ia memberi tumpuan kepada hubungan antara kimia dan struktur fizikal bahan. Tanpa mengira kelas bahan logam, seramik, polimer atau komposit ia memahami hubungan struktur harta dengan menyediakan asas saintifik untuk membangunkan bahan kejuruteraan bagi aplikasi maju. Penyelidikan asas dangunaan dalam bidang ini adalah sebagai respon kepada permintaan semakin meningkat untuk bahan atau ciri-ciri yang lebih baik.

Mineral Strategik

Penyelidikan dalam kejuruteraan sumber mineral adalah berdasarkan kepada konsep “dari lombong, kuari ke kilang dan loji kepada produk pengguna akhir”. Ia merangkumi tiga perkara utama iaitu untuk meningkatkan produktiviti (terutama kecekapan tenaga), meningkatkan daya saing terutama menambah nilai maksimum kepada produk dan mengukuhkan prestasi alam sekitar. Secara umumnya, projek penyelidikan semasa dan masa depan dalam kejuruteraan sumber mineral memberi tumpuan dalam empat bidang utama termasuk penerokaan dan pencirian sumber, perlombongan, kuari yang selamat dan cekap, pemprosesan fizikal metalurgi ekstraktif dan alam sekitar yang selamat dan cekap.

sumber: Berita Harian, 18 Julai 2013. Hazween Hamdan, USM lahir jurutera berjiwa lestari, ms. 14 - Graduan

MAJLIS IFTAR BERSAMA NAIB CANSELOR ERATKAN WARGA KAMPUS



PULAU PINANG, 5 Ogos 2013 – Sempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Pusat Islam dan warga Kampus Kejuruteraan telah bekerjasama bagi menganjurkan Majlis Berbuka Puasa 2013 bersama Naib Canselor Universiti Sains Malaysia.



Majlis yang telah diadakan pada 31 Julai 2013 yang lalu telah berjalan lancar dan dihadiri kira-kira 400 orang terdiri daripada kalangan staf dan juga penduduk sekitar.



Ketibaan Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Omar Osman, telah disambut oleh Pengarah Kampus, Prof. Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak dan pensyarah serta Pegawai-Pegawai universiti.



Aturcara majlis bermula pada sebelah petang dengan sesi ucapan daripada Naib Canselor diikuti dengan tazkirah yang disampaikan oleh Y. Bhg. Ustaz Roslan Che Ros, bacaan tahlil dan seterusnya majlis berbuka puasa.



Pada sebelah malam, majlis diteruskan dengan solat Maghrib, solat Isyak serta solat sunat tarawih berjemaah yang diimamkan oleh Syeikh Ibrahim Mohamad yang dijemput khas daripada Yamman. Majlis ini juga turut menyaksikan penyampaian sumbangan ramadan daripada Naib Canselor kepada 13 orang penduduk sekitar yang kurang berkemampuan dan anak-anak yatim Nurul Ihsan, Kampung Talang Tengah, Sungai Siput, Perak Darul Ridzuan.



Kerjasama yang erat yang telah ditunjukkan oleh warga kampus dalam menjayakan program ini membuktikan bahawa ramadan merupakan bulan penyatu ummah. Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Majlis Berbuka Puasa Bersama Naib Canselor pada tahun ini.





Teks oleh: Mohd Kamil Ashar
Foto: Shafizan Zoolkiffi

TAKLIMAT SISTEM SARAAN TRANSFORMATIF & ISU SEMASA PRESIDEN CUEPACS



PULAU PINANG, 20 Ogos 2013 – Kesibukan sebagai orang penting dalam kesatuan tidak menghalang Presiden CUEPACS untuk terbang dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang bagi memenuhi jemputan USM Kampus Kejuruteraan untuk menyampaikan taklimat berkenaan sistem saraan transformatif & isu semasa yang berkaitan.

Beliau yang diiringi oleh Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan, Prof. Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak bersama-sama Presiden, Kesatuan Kakitangan Am, Universiti Sains Malaysia iaitu Encik Mohd Rahim Abd Wahid serta beberapa Pegawai Universiti telah disambut oleh warga staf Kampus Kejuruteraan tepat 9.00 pagi bertempat di Dewan Kuliah 5.



“Penjawat Awam Universiti merupakan penjawat awam yang mempunyai kelasnya yang tersendiri. Oleh yang demikian, semua penjawat awam termasuk di universiti perlulah meningkatkan produktiviti dan berfikir kreatif dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan” kata Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Y.Bhg. Dato’ Hj. Omar Osman dalam amanatnya kepada warga Kampus Kejuruteraan pagi ini.

Tambahnya lagi, dengan pelbagai penambahbaikan kepada skim dan imbuhan termasuk perubahan gaji yang lebih baik pada masa ini, seseorang penjawat awam perlulah mentransformasikan diri masing-masing supaya ia selari dengan tanggungjawab dan aspirasi kerajaan.



Omar bercakap kepada kira-kira 400 orang staf Kampus Kejuruteraan yang terdiri daripada kalangan staf akademik dan bukan akademik. Walaupun penyampaian beliau secara seloroh dan santai namun banyak intipati dan impak tersirat yang perlu diambil perhatian oleh semua pihak terutamanya penjawat awam universiti.

Presiden CUEPACS turut menasihati warga staf Kampus Kejuruteraan supaya jangan selalu mempertikaikan kerja yang telah diamanahkan. Ini kerana mentaliti atau prinsip orang yang berjaya tidak akan memberi banyak alasan dan sentiasa bertanya apa yang mereka akan perolehi sebaliknya mereka sentiasa akan memikirkan apa yang boleh diberi atau disumbangkan kepada organisasi dimana mereka menabur bakti.



Beliau menggesa penjawat awam supaya dapat menjaga kesihatan dengan baik agar dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada organisasi.

Taklimat dan sesi soal jawab yang mengambil masa lebih kurang dua jam itu turut memberikan jawapan kepada banyak persoalan berkenaan dengan perubahan dan penambahbaikan skim dalam perkhidmatan awam. Cenderahati sebagai tanda penghargaan dan ingatan telah disampaikan oleh Pengarah Kampus kepada Y.Bhg. Dato' Hj. Omar Osman di atas kesudian beliau hadir menyampaikan taklimat tersebut.

Teks: Mohd Kamil Ashar
Foto: Shafizan Zoolkiffli

SAMBUTAN AIDILFITRI KAMPUS KEJURUTERAAN DISAMBUT MERIAH



PULAU PINANG, 20 Ogos 2013 – Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2013, Peringkat Kampus Kejuruteraan yang julung kalinya diadakan ini disambut meriah oleh seluruh warga Kampus Kejuruteraan.



Kira-kira 1,200 orang membanjiri Dewan Utama, USM Kampus Kejuruteraan bagi meraikan majlis. Majlis ini diadakan bukan sahaja untuk menikmati pelbagai juadah enak yang disediakan tetapi ia juga merupakan platform bagi seluruh warga kampus bertemu mesra mengeratkan silaturahim dan bermaaf-maafan antara satu sama lain dalam satu keluarga yang besar sempena Aidilfitri yang mulia ini.



Majlis Sambutan Hari Raya ini telah dihadiri oleh Naib Canselor Uinversiti Sains Malaysia, Y. Bhg. Profesor Dato' Dr. Omar Osman dan diiringi oleh tiga orang Timbalan Naib Canselor iaitu Profesor Dato' Dr. Ahmad Shukri Mustapa Kamal, Profesor Dato' Dr. See Ching Mey, Profesor Dr. Muhamad Jantan serta beberapa Ahli Mesyuarat Pengajian Penawaran Program Baharu yang dianjurkan oleh Centre for Global Sustainability Studies (CGSS).



Dalam ucapannya, Naib Canselor mengucapkan tahniah kepada Pengarah Kampus di atas kejayaan beliau menguruskan kampus dengan baik dan cekap dalam masa tidak sampai setahun. “Ia merupakan satu usaha bersama warga kampus”, katanya pada majlis tersebut. Beliau menaruh keyakinan yang penuh bahawa kecemerlangan Kampus Kejuruteraan akan dapat diteruskan pada masa depan.



“Kegemilangan program dapat dirancang dalam Apex fasa kedua dalam 5 ke 10 tahun akan datang. Kelompok kejuruteraan telah menunjukkan pencapaian yang ketara sekali. Pertama dari segi kualiti pelajar yang masuk ke program-program yang ditawarkan dan kedua pelajar yang dikeluarkan dari kelompok program kejuruteraan. Tahun kegemilangan Kampus Kejuruteraan telah kita ketahui dan akan diketahui tidak lama lagi” kata Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, Profesor Dato’ Dr. Omar Osman dalam ucapannya kepada warga Kampus Kejuruteraan pagi ini.



Tambahnya lagi, berdasarkan kepada data yang diperolehi, lebih 85% pelajar Kampus Kejuruteraan akan bergraduan dengan CGPA 3.0 dan ke atas. Beliau yakin bahawa kejayaan yang cemerlang ini dapat diteruskan lagi pada masa depan dengan komitmen yang padu dari kalangan pensyarah mahupun staf sokongan.



Menurut Naib Canselor, berdasarkan kepada QS World University Rankings, program pengajian kejuruteraan kimia berada ditahap 38 terbaik di dunia dan bagi program pengajian bahan (Material Sciences) berada pada tahap 200 terbaik didunia tanpa ada pesaing lain di Malaysia. Walau bagaimanapun, beliau menyarankan supaya universiti tidak hanya berpuas hati dengan pencapaian tersebut. Beliau seterusnya menyeru Dekan dan para pensyarah dapat merancang dengan baik supaya 5 ke 10 tahun akan datang USM berada ditahap kecemerlangan yang lebih tinggi daripada tahap yang diperolehi sekarang.



Sehubungan dengan itu, beliau memohon supaya seluruh warga Kampus Kejuruteraan dapat memberikan sokongan yang penuh kepada kepimpinan Pengarah Kampus, Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak agar Kampus Kejuruteraan akan lebih cemerlang pada masa hadapan.



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri ini diserikan lagi dengan empat gerai aneka juadah yang dibahagikan mengikut zon dimana zon (i) terdiri daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral dan Pentadbiran 2 manakala bagi zon (ii) pula terdiri daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia, Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik serta Jabatan Pembangunan. Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik, Pusat Pengajian Aeroangkasa dan Pentadbiran I adalah di bawah zon (iii).



Menu yang menjadi rebutan iaitu satay telah diletakkan dibawah zon (iv) dimana ia diwakili oleh Kelab Kebajikan & Sukan Kampus Kejuruteraan (KKSSK). Sebanyak 10,000 cucuk satay telah disediakan untuk para tamu yang hadir. Menu utama iaitu nasi beriani pula telah disediakan oleh Keterer Che'naam dengan kos sebanyak RM 6,800.00.



Majlis turut dimeriahkan lagi dengan persembahan nyanyian secara live oleh Artis Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia, Kampus Induk. Mereka yang terdiri daripada 13 orang anggota telah menghiburkan para hadirin dengan beberapa buah lagu raya dari gabungan koleksi lama dan baru.



Dengan kesungguhan, semangat yang kuat dan ikatan yang baik diantara warga kampus telah menjadikan majlis yang dirancang dan diuruskan dalam masa singkat ini berlancar lancar.



Turut hadir memeriahkan majlis adalah Ketua-ketua jabatan dari Kampus Induk. Sifat peramah dan sentiasa mengambil berat tentang hal ehwal dan kebajikan anak buahnya telah ditunjukkan oleh pemimpin nombor satu Universiti Sains Malaysia, Profesor Dato' Dr. Omar Osman sebelum beliau berangkat pulang dimana beliau sempat memenuhi permintaan staf-staf Kampus Kejuruteraan untuk bergambar kenangan.

Teks : Mohd Kamil Ashar

Foto : Muhammad Sarif Mhd. Rapiai, Shafizan Zoolkifli, Mohd Kamil Ashar

PERJUMPAAN PENGARAH KAMPUS BERSAMA PPSL



PULAU PINANG, 22 Ogos 2013 - "USM... Go! Go! Go!, USM... Fight! Fight! Fight!, USM... Boleh! USM... Boleh! USM... Boleh!". Begitulah laungan semangat dari team Program Pimpin Siswa Lestari, USM Kampus Kejuruteraan semasa perjumpaan bersama Prof. Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak, Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan.

Majlis telah dimulakan dengan nyanyian lagu USM yang penuh bersemangat daripada kalangan pelajar yang terpilih untuk menjadi sebahagian daripada team Program Pimpin Siswa Lestari sesi 2013/2014. Pengarah Kampus dalam ucapannya menyeru supaya PPSL perlu mempunyai semangat berpasukan yang tinggi dan padu dalam menyambut kehadiran pelajar baru bermula 1 September ini.

Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pelajar yang bersemangat dan sudi membantu USM dalam menghadapi kehadiran adik-adik yang bakal menjadi keluarga USM. Beliau juga menaruh keyakinan penuh terhadap pelajar yang terpilih ini dapat membentuk satu team yang baik.

"Interaksi antara kaum sangat penting dan jadikan ia betul-betul bermakna. Jadikan PPSL medan untuk kita lebih akrab bersama rakan-rakan. Bukan hanya artificial, bukan hanya one week friendship, tetapi lebih daripada itu", kata Pengarah Kampus dalam ucapannya. Beliau memohon supaya perpaduan dikalangan pelajar pelbagai kaum bukan sekadar manis dibibir sahaja.

Dalam ucapannya beliau memohon juga supaya warga USM perlu lebih informatif dan bersedia untuk menerima pelajar-pelajar baru yang akan hadir bersama ibu bapa serta keluarga mereka.

Pada akhir perjumpaan, Prof. Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak telah diperkenalkan dengan team PPSL yang hadir dan mereka terdiri daripada 19 pelajar wanita serta 23 pelajar lelaki.

ALL THE BEST!

Teks & Foto : Mohd Kamil Ashar

GRADUAN USM HASILKAN KONKRIT HIJAU MENGGUNAKAN ABU SISA KELAPA SAWIT



Sisa menjadi simen suplemen: Graduan USM hasilkan konkrit hijau berkekuatan tinggi menggunakan abu sisa kelapa sawit.

Dr. Abdullah Mohsen Ahmed Zeyad, pelajar dari Yemen yang mengikuti program, penyelidikan doctor falsafah Kejuruteraan Awam dari Universiti Sains Malaysia, telah Berjaya menghasilkan konkrit berkekuatan tinggi menggunakan abu sisa kelapa sawit sebagai suplemen kepada simen Portland biasa (OPC).

Abu Sisa Kelapa Sawit menjadi bahan penguat konkrit

Abu sisa bahan api kelapa sawit atau "Palm Oil Fuel Ash (POFA)" adalah sisa yang diperolehi daripada proses pembakaran tempurung kelapa sawit, tandan sawit dan serat di kilang sawit untuk memanaskan dandang sehingga membentuk stim untuk tujuan penghasilan tenaga elektrik di kilang kelapa sawit. POFA yang diperolehi dari kilang sawit kemudiannya dirawat dengan melalui rawatan haba dan dikisar untuk menghasilkan POFA yang sangat halus yang dikenali sebagai U-POFA atau "ultrafine palm oil fuel ash".

Proses rawatan yang dilalui POFA meningkatkan keberkesannya apabila ianya berfungsi sebagai bahan penambah, iaitu U-POFA, di dalam pengeluaran konkrit berkekuatan tinggi yang mesra alam atau "high strength green concrete (HSGC)". U-POFA boleh ditambahkan dengan simen Portland biasa pada peratusan 20, 40 atau 60 peratus untuk menghasilkan adunan konkrit berkekuatan tinggi yang mesra alam.

Pemenang pingat perak Malaysian Technology Expo 2013, anjuran Malaysian Association of Research Scientists (MARS) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Dr. Abdullah Mohsen Ahmed Zayed melaporkan bahawa adunan HSGC yang mengandungi POFA mempamerkan kebolehterapan dan pengekalannya kebolehterapan yang unggul serta masa pemejalan yang terencat berbanding HSGC yang mengandungi POFA yang tidak dirawat dan juga HSC-OPC kawalan.

Bagi kes kekuatan mampatan, penggunaan U-POFA mengurangkan kekuatan awal dalam tempoh 1, 3 dan 7 hari, tetapi meningkatkan kekuatan pada 28, 90, 180 dan 360 hari untuk semua HSGC mengandungi POFA, dimana kekuatan melebihi 95 MPa dicapai untuk semua POFA-HSGC dalam tempoh 28 hari.

Sifat-sifat pengangkutan bendalir yang dinilai melalui ujian keliangan, penyerapan permukaan awal, penyerapan air, kebolehtelapan klorida pesat, penghijrahan klorida pesat, kebolehtelapan gas dan kebolehtelapan air menunjukkan peningkatan yang ketara dengan penggunaan U-POFA, di mana HSGC yang mengandungi 60% U-

POFA mempamerkan peningkatan terbesar pada jangka pendek (28 hari) dan jangka panjang (360 hari).

Pengaplikasian rejim pengawetan stim menyumbang terhadap peningkatan kekuatan awal pada 1, 3 dan 7 hari, di mana peningkatan di dalam sifat-sifat konkrit bergantung kepada kadar penggantian U-POFA serta suhu dan juga tempoh pengawetan stim.

Di samping itu, U-POFA memainkan peranan dalam mengurangkan kesan negatif yang mungkin terhasil ekoran daripada penggunaan rejim pengawetan stim yang berbeza. Oleh itu, keputusan keseluruhan kajian menunjukkan U-POFA mempunyai potensi yang signifikan sebagai bahan tambah mineral pozzolan yang efisien untuk penghasilan HSGC, dengan menjanjikan sifat-sifat kejuruteraan dan pengangkutan bendalir yang unggul apabila dikenakan pengawetan biasa dan rejim pengawetan stim.

Pembinaan yang mesra alam

U-POFA terbukti sebagai bahan tambahan simen yang sangat berkesan kerana ia mampu meningkatkan dengan ketara sifat-sifat kejuruteraan dan pengangkutan bendalir adunan HSGC yang dihasilkan.

“Penggunaan kanduangan U-POFA yang lebih tinggi di dalam campuran konkrit menghasilkan konkrit yang berkekuatan lebih tinggi, lebih tahan lasak dan lebih mesra alam,” kata Dr. Abdullah Mohsen Ahmed Zayed.

“Kandungan simen yang lebih rendah bermaksudnya kos bahan yang lebih rendah. Dengan itu, kos pengeluaran yang lebih rendah dengan penggunaan adunan HSGC yang mesra alam ini dapat menyumbang kearah kelestarian masa depan industri konkrit,” tambahnya lagi.

Dr. Abdullah Mohsen Ahmed Zayed, 39, kini mengajar di Falkulti Kejuruteraan, University of Science & Technology, Yemen sebuah institusi pengajian tinggi swasta di Negara asalnya, Yemen. Beliau berhasrat untuk mengembangkan penyelidikan berkaitan simen alternatif di Yemen menggunakan sisa industri yang sesuai.

Prof. Madya Dr. Megat Azmi Megat Johari, merupakan ketua penyelia projek penyelidikan konkrit hijau berkekuatan tinggi menggunakan U-POFA. Dr. Megat Azmi memang telah lama menumpukan penyelidikan beliau di dalam bidang teknologi konkrit dengan focus terhadap bahan penyimenan suplemen, konkrit berkekuatan tinggi dan konkrit berprestasi tinggi.

Di samping penggunaan U-POFA di dalam konkrit berkekuatan tinggi, U-POFA juga telah dan sedang digunakan di dalam penyelidikan berkaitan komposit simen terjurutera (engineered cementitious composite), konkrit berkekuatan ultra tinggi (ultra high strength concrete), konkrit berprestasi ultra-tinggi (ultra high performance concrete), serta konkrit geopolimer (geopolymer concrete). Kesemua penyelidikan yang dijalankan memfokuskan kepada konkrit yang mesra alam untuk memastikan kelestarian industri pembinaan pada masa hadapan.

Penyelia-penyelia lain projek tersebut, iaitu Dr. Norazura Muhamad Bunnori dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam dan Prof. Madya Dr. Kamar Shah Ariffin dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral. Dr. Norazura mempunyai kepakaran dalam bidang pemantauan kesihatan struktur, manakala Dr. Kamar Shah banyak melakukan penyelidikan dalam pembangunan mineral, teknologi pemerosesan mineral dan eksplorasi mineral.

Universiti penyelidikan terunggul

Untuk maklumat lanjut berkaitan dengan permohonan, syarat kemasukan, yuran dan sebagainya. Sila layari laman web Institut Pengajian Siswazah di www.ips.usm.my

Sumber: Berita Harian - Khamis, 22 Ogos 2013

USM JUARA REKAAN INOVASI

Alat mengenal pasti kematangan kelapa sawit tewaskan 180 penyertaan



Georgetown - Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM) diumumkan juara keseluruhan Pertandingan Reka Bentuk Inovasi Malaysia 2013. Pasukan USM bergelar juara apabila alat mengenal pasti kematangan buah kelapa sawit berjaya menafikan kemenangan 180 kumpulan lain.

Alat yang diberi nama 'Oil Palm Fruit Ripeness Detection Kit For Harvesting Decision' dicipta tiga pelajar tahun akhir jurusan Kejuruteraan Elektrik, iaitu Heng Peng Zhi, 22, Lau Wei Cheang, 24 dan Ho Yoke Keong 23.

Ketua kumpulannya, Peng Zhi berkata, alat terbabit dijangka dapat mengelak peladang berdepan dengan kerugian apabila menuai

Cipta alat kemudahan

"Alat berkenaan dicipta apabila peladang mengalami kesukaran mengenal pasti kematangan buah dan hanya menggunakan kepal buah. "Justeru itu, alat yang dicipta itu daripada mesin yang akan mengenal pasti kematangan buah secara tidak langsung mengesan buah yang sudah masak," katanya ketika ditemui selepas menerima hadiah di sini, kelmarin.

Selain anugerah berkenaan, mereka juga memenangi kategori Anugerah Thesis Terbaik dan Anugerah National Instrumentation membawa pulang wang tunai masing-masing RM1,500 dan RM5,000 beserta trofi. Hadiah disampaikan Menteri, di Jabatan Pendidikan Tinggi, AbdulWahid Omar yang turut disaksikan Timbalan Presiden Agilent Technology, Shidah Ahmad dan Ketua Eksekutif TalentCorp), Johan Mohamad Merican.

Cungkil bakat pelajar

Sementara itu, Abdul Wahid dalam ucapannya berkata, pertandingan berkenaan menyaksikan peranan sector swasta dalam membina bakat ini di samping membuka peluang bagi pelajar untuk mencipta teknologi baru yang dapat memberi manfaat kepada Negara.

"Saya yakin dengan kerjasama sebegini bakat anak muda Negara kita dapat diketengahkan dalam pada masa yang sama dapat memberi transformasi ekonomi," katanya.

Sumber: Berita Harian - Jumaat, 23 Ogos 2013

KITA BERUPAYA MENJADI TERKEMUKA DI DUNIA, KATA NC



NIBONG TEBAL, 28 Ogos 2013 - Universiti Sains Malaysia (USM) malah Kampus Kejuruteraan USM berupaya untuk menjadi yang terbaik di dunia pada masa hadapan setaraf dengan universiti terkemuka lain yang ada di Amerika Syarikat mahu pun mana-mana negara lain seperti Britain mahu pun Jepun.

“Yang penting kita perlu keluar dari pemikiran sedia ada dan bersikap realistik,” kata Naib Canselor USM, Profesor Dato’ Dr. Omar Osman ketika berucap dalam Perhimpunan Bulanan USM di Kampus Kejuruteraan hari ini.



Katanya, tidak mustahil untuk Kampus Kejuruteraan merintis jalan sedemikian, menjadi kebanggaan dan menjadi antara yang terkemuka di dunia jika semua pihak berganding bahu berbuat demikian dan menjalinkan perhubungan yang rapat dengan universiti dan institusi terkemuka lain di dunia.

“Yang penting kita jangan mudah berpuas hati dengan kejayaan yang ada sebaliknya terus mencabar diri untuk melakukan apa sahaja yang boleh untuk menjadi yang terbaik seperti yang dicapai oleh sesetengah disiplin

kejuruteraan sekarang ini,” kata Omar.

Beliau turut mencadangkan Pusat Penyelidikan Sains dan Kejuruteraan (SERC) menjadi pusat penajaan kewangan utama di Kampus Kejuruteraan melalui usaha menyediakan perkhidmatan penyelidikan, kolaborasi dengan pelbagai pihak luar, mengadakan latihan kejuruteraan dan teknologi dan lain-lain selagi dalam kerangka pendidikan dan penyelidikan yang sesuai dengan universiti.



Turut memberi ucapan pada perjumpaan kali ini adalah Profesor Zainal Arifin Mohd Ishak selaku Pengarah Kampus Kejuruteraan dan Puan Hasnah Hassan, Penolong Pegawai Tadbir daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik selaku wakil staf pelaksana.

Kira-kira 150 orang menghadiri perjumpaan yang pertama kali diadakan di sini termasuk dekan-dekan, ketua-ketua jabatan, para pensyarah serta warga pentadbiran. Hadir sama ialah Timbalan-timbalan Naib Canselor dan Pengarah Kampus Kesihatan serta ahli-ahli mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang bermesyuarat di sini selepas selesai Perhimpunan Bulanan.

(Teks di atas dipetik daripada Berita Portal Rasmi USM tulisan Encik Mohamad Bin Abdullah)

Teks diolah oleh: Mohd Kamil Ashar
Foto: Shafizan Zoolkiffli

580 PELAJAR BAHARU MENDAFTAR DI USM KEJURUTERAAN



NIBONG TEBAL, 1 September 2013 – Seramai 580 pelajar baharu Universiti Sains Malaysia (USM), Kampus Kejuruteraan, Nibong Tebal mendaftar sebagai pelajar baharu ijazah sarjana muda bagi program kejuruteraan bermula semalam.

Bermula dengan sesi pendaftaran di Desasiswa masing-masing dan taklimat ibu bapa oleh penggawa di Pusat Pembangunan Siswa (PUMA), Program Siswa Lestari bagi sidang akademik 2013/2014 diteruskan sehingga ke pukul 10.00 malam dengan aturcara yang telah ditetapkan.



Pengarah Kampus Kejuruteraan, Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak dan beberapa pegawai USM telah turut serta meninjau proses pendaftaran pelajar dan beramah mesra dengan ahli keluarga yang mengiringi pelajar. Kehadiran Pengarah telah memberi erti yang besar dan semangat kepada para pelajar, ibu bapa dan staf yang bertugas terutama kepada Pembantu Pelajar Siswa Lestari (PPSL) semasa proses pendaftaran berlangsung.



“Belajar bersungguh-sungguh. Semoga berjaya” kata Pengarah Kampus kepada adik-adik pelajar baharu yang merupakan bakal pewaris negara pada suatu hari nanti. Dalam temubual spontan Pengarah Kampus bersama para pelajar baharu dan keluarga yang hadir, rata-rata berpuas hati dengan proses pendaftaran dan layanan yang diberikan oleh pihak USM. Ucapan tahniah juga sering diberikan kepada ibu bapa dan keluarga yang sempat bersalaman dengan beliau.



Di celah-celah keluarga yang hadir Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak turut ditegur sapa oleh bekas pelajar USM semasa beliau menjadi penggawa di Desa Siswa Aman Damai pada tahun 1995. Beliau seterusnya mengucapkan tahniah kepada bekas pelajar tersebut yang kini mempunyai syarikat sendiri dan merupakan Pengarah Urusan di syarikatnya yang bertempat di Melaka.

Tiada kata yang boleh diungkapkan selain daripada ucapan terima kasih daripada Pengarah Kampus kepada semua yang terlibat dalam memastikan kelancaran proses pendafataran dan minggu siswa lestari bermula hari ini sehingga 11 September 2013.

Teks: Mohd Kamil Ashar

Foto: Roslizam Ramli

PELAJAR KEJURUTERAAN MAMPU MELAKAR KEJAYAAN CEMERLANG, KATA TNC



NIBONG TEBAL, 2 September 2013 – Ucapan tahniah daripada TNC HEPP, Profesor Dr. Adnan Hussein kepada pelajar yang berjaya diterima menyambung pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM).

Dalam ucapannya, beliau mengaluakan kedatangan para pelajar ke Universiti Sains Malaysia, Kampus Kejuruteraan, Nibong Tebal. Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar itu juga turut mengajak semua pelajar supaya mengenang jasa kedua ibu bapa yang banyak mendorong dan membantu kejayaan mereka sehingga kini.



“Lebih 20 ribu calon yang memohon untuk memasuki USM. Hanya 4 ribu lebih yang terpilih. Oleh itu, semua pelajar baru yang berada di hadapan saya, patut rasa bersyukur dan bertuah kerana anda merupakan salah seorang daripada 680 orang yang diterima memasuki USM”, kata Profesor Dr. Adnan Hussein semasa sesi Taklimat Bersama Timbalan Naib Canselor, HEPP, USM di Dewan Utama, Kampus Kejuruteraan hari ini.



Katanya, tidak mustahil untuk pelajar baharu yang berada di hadapan beliau boleh melakar kejayaan cemerlang seperti mana pelajar-pelajar senior dari Kampus Kejuruteraan yang seringkali mengharumkan nama USM di peringkat kebangsaan mahupun dunia. Beliau menegaskan supaya para pelajar di Kampus Kejuruteraan tidak hanya cemerlang dalam program akademik malah turut cemerlang dalam kegiatan yang boleh membantu meningkatkan jati diri masing-masing.



Para pelajar turut disajikan dengan persembahan rakaman video dan gambar suasana semasa hari pertama proses pendaftaran di Kampus Induk yang dihasilkan sendiri oleh TNC, HEPP itu. Berdasarkan kepada hasil rakaman dan temubual spontan tersebut, beliau sangat kagum dengan kegigihan beberapa orang pelajar kurang upaya seperti cacat penglihatan yang juga boleh berjaya dengan cemerlang sebagaimana pelajar yang sempurna.

Diakhir ucapannya, beliau memberi penghormatan kepada pembimbing siswa lestari yang sanggup berkorban masa dan tenaga semata-mata untuk memastikan kelancaran proses program siswa lestari sesi 2013/2014.

Teks: Mohd Kamil Ashar

Foto: Shafizan Zoolkiffli

PELAJAR BAHARU USM KEJURUTERAAN DIRAI SEMPENA MINGGU SISWA LESTARI



NIBONG TEBAL, 4 September 2013 – Seramai 580 pelajar baharu Universiti Sains Malaysia (USM), Kampus Kejuruteraan disambut penuh meriah bersempena Minggu Siswa Lestari bagi sesi 2013/2014 yang berlangsung di sini baru-baru ini.



Minggu Siswa Lestari yang merupakan acara tahunan yang diadakan secara serentak di ketiga-tiga kampus USM ini telah menerima seramai 4,684 orang mahasiswa baharu yang terpilih dalam kalangan lebih 25,000 orang yang memohon masuk ke Universiti APEX dan Universiti Penyelidikan ini.



Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia, Profesor Dato' Dr. Omar Osman mengucapkan syabas dan tahniah tidak terhingga atas kejayaan para pelajar yang perlu dikongsi bersama. Dalam ucapannya bersempena Majlis Sambutan Siswa Sesi 2013/2014 yang berlangsung di Dewan Utama, Kampus Kejuruteraan, beliau turut mengalukan kedatangan 24 orang mahasiswa dalam kalangan mereka yang istimewa dan juga 44 orang yang datang daripada luar negara.



Perlaksanaan program ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai latar belakang universiti. Dengan adanya program sebegini pelajar-pelajar baharu akan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan serta persekitaran universiti sebelum mereka memulakan kuliah harian.



Turut hadir bersama beliau dalam Majlis Sambutan Siswa pada kali ini, Profesor Dato' Dr. Ahmad Shukri Mustapa Kamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. See Ching Mey, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Muhamad Jantan, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), dekan-dekan pusat pengajian kejuruteraan dan pegawai-pegawai utama universiti.



Diakhir ucapannya, Naib Canselor, mengingatkan bahawa APEX atau Program Pemacuan untuk Kecemerlangan yang diperolehi pada tahun 2008 akan diteruskan dengan keutamaannya kepada usaha meningkatkan lagi nama dan kedudukan USM di mata dunia. Walau bagaimanapun perkara yang penting perlu dilakukan adalah transformasi pemikiran dan minda yang harus dilakukan bukan sahaja dalam kalangan warga staf, pentadbir dan pensyarah, tetapi juga yang paling penting ialah para pelajar USM keseluruhannya.

TAHNIAH! SYABAS! Semoga hasrat diharungi dan kecermalangan USM dikecapi bersama

Teks: Mohd Kamil Ashar

Foto: Shafizan Zoolkifli

MAJLIS MAKAN MALAM DISAMBUT MERIAH, SANTAI DAN CERIA



NIBONG TEBAL, 4 September 2013 – Kepenatan pelajar baharu menjalani Minggu Siswa Lestari terubat apabila mereka diraikan dalam satu majlis makan malam bersama Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia (USM).



Majlis ringkas yang diadakan pada 3 September 2013 bermula pada pukul 8.30 malam dan bertempat di Dewan Utama, Kampus Kejuruteraan itu disambut secara santai dan dalam suasana yang ceria. Terpancar wajah-wajah keceriaan para pelajar disebalik kepenatan dalam menempuhi liku-liku perjalanan sebagai seorang mahasiswa.



Majlis yang turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Ahmad Shukri Mustapa Kamal, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dato' Dr. See Ching Mey, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Profesor Dr. Muhamad Jantan, dekan-dekan pusat pengajian kejuruteraan dan pegawai-pegawai utama universiti itu telah diserikan lagi dengan beberapa persembahan menarik daripada kalangan Pembantu Pembimbing Siswa Lestari (PPSL) dan pelajar baharu kejuruteraan.



Profesor Dato' Dr. Omar Osman, dalam ucapan perasmian siswa lestari bagi Kampus Kejuruteraan, sesi 2013/2014 menyeru supaya semua para pelajar baharu dapat menyesuaikan diri dengan suasana di kampus ini. Beliau yang turut ditemani isteri, Datin Noraizan Jamaludin turut dikejutkan dengan satu gimik menarik daripada kumpulan PPSL sempena sambutan hari lahir beliau baru-baru ini.

Teks: Mohd Kamil Ashar

Foto: Shafizan Zoolkiffli

YAKIN KEUPAYAAN USM, DATUK DR. ADHAM BABA



NIBONG TEBAL, 4 September 2013 – Yakin dengan kepimpinan Naib Canselor dan keupayaan USM dalam membantu tanahair untuk terus berjaya merupakan pembuka kata Datuk Dr. Adham Baba dalam ucapan beliau dihadapan 580 pelajar baharu kejuruteraan sempena sesi majlis bersama pemimpin negara baru-baru ini.

Dengan mengambil kata-kata YAB. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia "Tiada apa yang boleh menjamin kejayaan Malaysia di masa hadapan melainkan kita menjadi bangsa berilmu", beliau cuba membawa para pelajar mengenal erti sejarah dan bersyukur dengan apa yang telah telah dikecapi selama ini.



"Untuk menjamin masa depan Malaysia, saya ingin mengambil pesanan daripada Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, bahawa tidak ada perkakas yang lebih penting untuk merobohkan tembok penjajahan iaitu tidak lain dan tidak bukan adalah ilmu pengetahuan", kata Pengerusi Lembaga Pengarah UniKL yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Pasir Raja itu.

"Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah menubuhkan Universiti Sains Malaysia pada tahun 1969 dan tidak ada universiti lain yang diberikan taraf APEX selain USM", kata Adham yang disambut dengan

tepukan gemuruh mahasiswa baharu USM Kejuruteraan.

Menurut beliau, terdapat lebih kurang 20 buah IPTA telah dibina selepas kemerdekaan negara sehingga kini. Ia merupakan kejayaan besar kepada negara dan masyarakat Malaysia keseluruhannya. Beliau juga mengajak semua pelajar supaya berfikir sekiranya mereka berada dalam situasi di luar negara seperti yang sedang berlaku di negara-negara yang menghadapi peperangan, masalah kebuluran, masalah ketiadaan air dan sebagainya. Oleh yang demikian, beliau menyeru supaya semua pelajar menjadi anak Malaysia yang sentiasa mengenang jasa dan berterima kasih.



“Saudara tidak boleh patah balik, kini anda sudah separuh jalan, anda tidak boleh patah ke belakang, anda perlu terus maju ke hadapan dan teruskan usaha untuk menjadi pelajar USM yang cemerlang, gemilang dan terbilang”, kata Adham.

Dengan harapan yang tinggi, beliau mengakhiri ucapan dengan kata-kata keramat yang pastinya akan menjadi pendorong kepada para pelajar iaitu “Berusahalah selagi ada masa, selagi ada kesempatan, kerana tidak ada siapa lagi yang boleh kita harapkan untuk memimpin generasi masa depan, kerana kita PEWARIS KEPIMPINAN”, katanya.

Beliau seterusnya mengajak semua hadirin pada petang itu supaya muhasabah diri masing-masing dan dengan penuh keyakinan melihat kepada kekuatan yang ada pada diri sendiri dalam melalui kehidupan yang mendatang. Kejayaan tidak akan datang bergolek kecuali dengan usaha dan berkat doa ibu bapa serta masyarakat kepada Tuhan Pencipta Alam.

MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA!

Teks: Mohd Kamil Ashar

Foto: Shafizan Zoolkiffli

77 PELAJAR BARU DI PPK KIMIA



9 September 2013- Bagi Sidang Akademik 2013/2014, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia (PPK Kimia) telah menerima seramai 77 pelajar 'baru' yang terdiri daripada mereka yang terbaik dari seluruh Semenanjung.

Sebagaimana kata Profesor Azlina Harun@ Kamaruddin, Dekan, PPK Kimia, dalam ucapan alu-aluannya di Majlis Sambutan Pelajar Baru Bersama Pusat Pengajian pada 4 September yang lalu, "PPK Kimia berasa amat bangga dan bertuah menjadi pilihan utama calon-calon yang memohon yang mana lebih daripada separuh calon yang diterima masuk memiliki PNGK atau CGPA 4.0". Tambah beliau lagi, "Ini sebenarnya merupakan satu cabaran bagi warga Pusat Pengajian khususnya tenaga pengajar dalam melestarikan pencapaian para pelajar tersebut dalam usaha menjadikan mereka sebagai graduan yang memiliki ciri-ciri holistik dalam tempoh empat tahun yang akan datang'.

Secara statistik, daripada 77 pelajar yang telah mendaftar diri pada 1 September di desasiswa-desasiswa, Kampus Kejuruteraan, USM, 46 pelajar daripada etnik Melayu, 18 etnik Cina, India, 12 dan seorang daripada keturunan Bajau. Merujuk kepada pecahan daripada sudut jantina pula, memperlihatkan pecahan yang hampir sama di antara bilangan pelajar perempuan seramai 39 orang manakala lelaki seramai 38 pelajar.

Sebagaimana tradisi, sambutan para pelajar tersebut telah diadakan di Pusat Pengajian pada 4 September yang lalu, dengan dimulai acara Majlis Sambutan Siswa Bersama Pusat Pengajian yang bermula seawal jam 8.30 pagi.



Ucapan alu-aluan dan pengenalan oleh Dekan

Dalam majlis tersebut, selain daripada memperkenalkan kesemua staf Pusat Pengajian, Dekan turut menzahirkan harapan dan hala tuju Pusat Pengajian dengan memberi fokus dan penekanan mengenai Visi dan Misi Pusat Pengajian, pendekatan dan implimentasi OBE, keperluan akreditasi Lembaga Jurutera Malaysia, posisi Pusat Pengajian dalam konteks nasional dan global, berusaha dan belajar sebagai satu pasukan, pembangunan kerjaya dan senario guna tenaga industri terkini, harapan dan cabaran.

Kata Profesor Azlina, “Bukan mudah menjadi yang terbaik dan terkehadapan, melainkan kesemua warga Pusat Pengajian bermula daripada tenaga pengajar membawa kepada pelajar bersatu hati, bekerja keras dalam satu pasukan bagi memastikan kelestarian hari esok menjadi milik kita”.

Selain itu, para pelajar juga telah disantuni dengan pelbagai program termasuk sesi penerangan dan taklimat mengenai modus operandi hal ehwal akademik, struktur dan sistem kurikulum, menjalani proses pendaftaran kursus secara ‘on-line’, lawatan ke makmal-makmal dan di akhiri dengan aktiviti riadah/aktiviti luaran pada sebelah petang sebelum mereka bersurai pada jam 6.30 petang.



Lawatan dan penerangan di makmal

Sebagai tanda kenang-kenangan dan juga ‘passport’ rasmi sebagai warga ‘baru’ Pusat Pengajian, sudah pasti sesi

bergambar beramai-ramai turut diadakan.



Kepada mereka semua, PPK Kimia khususnya, warga Kampus Kejuruteraan amnya, berasa amat bangga dan berbesar hati menerima kedatangan saudara-saudari dan mengharapkan kecemerlangan akademik saudara-saudari yang sedia ada akan dapat dilestarikan untuk terus terbilang di hari esok.

Teks: Mokhtar Alfakari Anurbek

Foto: Mohd Hisyam Adnan

KEJURUTERAAN KIMIA KOMITED MELAHIRKAN GRADUAN BERTARAF DUNIA



12 September 2013- Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia terus mengorak langkah memperkasakan siswa-siswi Tahun Dua, Tiga dan Empatnya dengan memperkenalkan “Programme Objectives” (PEO) dan “Programme Outcomes” (PO) berdasarkan manual baru badan akreditasi, Lembaga Jurutera Malaysia (LJM), dalam usaha melahirkan graduan berdaya saing dan bertaraf dunia.



“PEO dan PO yang menjadi teras dalam ‘Outcome Based Education’ (OBE) mempunyai hubungan secara langsung dan amat sinonim dengan akreditasi. Atas sebab itulah, sama ada mahu atau tidak, setiap pelajar wajib menyedari, mengetahui, memahami dan menganjak paradigma dalam proses pengajaran-pembelajaran”, ujur Profesor Azlina Harun@Kamaruddin, Dekan, PPK Kimia dalam merungkai objektif Bengkel OBE, petang semalam, 11 September 2013, di Dewan Kuliah 5, Kompleks Dewan Kuliah, Kampus Kejuruteraan, USM.

Menurut beliau lagi, empat ‘PEO’ dan sebelas ‘PO’ yang baru telah dihasilkan oleh Pusat Pengajian berpandukan manual baru LJM bagi menggantikan ‘PEO’ dan ‘PO’ yang terdahulu dalam usaha Pusat Pengajian ‘mengejar’ dan ‘meraih’ pengiktirafan penuh, lima tahun, dari LJM yang panelnya dijangka akan mengadakan lawatan akreditasi ke Pusat Pengajian seawal bulan Mac tahun hadapan.

Empat ‘PEO’ yang telah dikenal pasti tersebut adalah tertumpu kepada menghasilkan graduan yang holistik dan

berbakat daripada sudut keupayaan mendominasi ilmu dan kewibawaan dalam bidang kejuruteraan kimia itu sendiri, memiliki ciri-ciri kepimpinan dan 'soft skills' yang bertunjangkan sikap dan nilai-nilai etika yang terpuji, inovatif dengan kemahiran penyelesaian masalah untuk kelestarian dan mempunyai minat yang mendalam terhadap bidang penyelidikan dan pendidikan sepanjang hayat.



Manakala sebelas 'PO' yang diwar-warkan kepada para pelajar pula antara lain adalah menyentuh mengenai keupayaan graduan selaku agen penyelesaian masalah kompleks atau kritikal melalui cara aplikasi ilmu-ilmu matematik, sains dan ilmu serta prinsip 'asas' kejuruteraan kimia, berupaya menganalisis dan mencerahkan kerumitan yang wujud dengan memposisikan kepentingan alam persekitaran, kesihatan dan kondisi masyarakat sejagat sebagai entiti utama.

"Sama ada kita akan mendapat pengiktirafan penuh atau sebaliknya, bukan hanya bergantung kepada inisiatif dan usaha keras berbulan-bulan lamanya yang dijanakan oleh pihak pengurusan-pentadbiran dan tenaga pengajar Pusat Pengajian semata-mata, tetapi penglibatan para pelajar amat-amat diperlukan sebagai agen yang akan memangkin dan mengaktifkan mekanisme 'PO' dan 'PEO' agar dapat memberikan impak positif yang mampu meningkatkan tahap kebolehpercayaan yang menjurus kepada penerimaan pengiktirafan penuh", ujar beliau dengan penuh harapan.



Selain kata-kata perangsang dan pengharapan tinggi daripada Dekan, para pelajar juga turut diberi pendedahan secara terperinci mengenai falsafah, konsep, kepentingan dan senario akreditasi dan modus operandi OBE yang disampaikan oleh Timbalan Dekan (Akademik), Profesor Madya Mohamad Zailani Abu Bakar yang juga merupakan tenaga utama dalam menggerak dan menyiapkan laporan akreditasi atau Self-Assessment Report (SAR) untuk diteliti dan dinilai oleh panel akreditasi.

Apa yang lebih menerjah dan mencerakinkan minda para pelajar adalah sesi di akhir bengkel yang merupakan satu simulasi anjakan paradigma dalam proses pengajaran-pembelajaran berbentuk 'psychomotor' dan interaktif yang dikendalikan oleh Dr. Suhairi Abdul Sata. Melalui skil yang tersendiri, Dr. Suhairi "menanam dan mengupas" kefahaman dan pengertian empat 'PEO' dan sebelas 'PO' melalui pendekatan kekuatan minda dan interaktif pelajar semasa sendiri.



Beliau juga turut membuka ruang dan minda pelajar mengenai ciri-ciri graduan yang diinginkan berdasarkan 'survey' yang dijalankan di kalangan majikan dalam pasaran kini, sekumpulan 'jurutera muda/baru dalam pasaran' dan tidak terkecuali ahli-ahli akademik USM sendiri. Apa yang menariknya, para pelajar diminta terlebih dahulu menggariskan ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh seseorang graduan sebelum dapatan 'survey' diperbandingkan.

Walau pun cuma sepetang, namun pengisiannya amat menarik, setidak-tidaknya dapat 'mengusik' dan 'menyentak' benak hati para pelajar akan penting dan pertalian erat di antara OBE, akreditasi dan tidak dinafikan juga senario bahawa mereka bakal bergelar graduan bertaraf dunia suatu hari nanti.

Teks & Foto: Mokhtar Alfakari Anurbek


KEJURUTERAAN KIMIA- 68 GRADUAN DI KONVOKESYEN USM KE 48

19 September 2013- Seramai 68 pelajar Tahun Akhir, Sidang Akademik 2012/2013, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia akan bergelar graduan dalam Upacara Konvokesyen USM ke 48 mulai 19 hingga 22 September 2013 bertempat di Dewan Tuanku Syed Putra, Kampus Induk, USM, Pulau Pinang.

Kesemua mereka akan menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Kimia) masing-masing pada Sidang Kelima, jam: 3.00 petang, Sabtu, 21 September 2013. Ijazah akan disampaikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Razali Ismail, Pro- Canselor, USM.

Dinilai daripada sudut prestasi, daripada 68 graduan tersebut, 80.9% mereka bergraduasi dengan PNGK 3.00 dan ke atas. Tiga pelajar cemerlang dengan PNGK 3.67 dan ke atas diikuti dengan tujuh pelajar memiliki PNGK 3.50 hingga 3.66.

Kepada para graduan, sekalung TAHNIAH diucapkan. Yang pasti, kegembiraan anda semua turut dirasai oleh kami warga PPK Kimia khasnya dan warga Kampus Kejuruteraan secara keseluruhannya.



Teks & Grafik: Mokhtar Alfakari Anurbek

MECHANICAL ENGINEERING AND BOSE SYSTEM WEAVED COOPERATION



18th September 2013 - Today ceremony is to inaugurate the establishment of three-year university-industry collaboration between the School of Mechanical Engineering, Universiti Sains Malaysia (USM) and Bose Systems Malaysia Sdn Bhd by presenting together a Memorandum of Agreement (MoA). USM is represented by the Dean of School of Mechanical Engineering, Prof Dr. Zaidi bin Mohd Ripin, and Bose is represented by Mr. Ruben Nyul, the Managing Director, Bose System Malaysia, witnessed by Deputy Vice-Chancellor for Research and Innovation Prof. Muhamad Jantan, and Bose Corporation Executive Vice-President, Mr. Bryan Fontaine.



Since Bose Corporation was founded in 1964 by then Massachusetts Institute of Technology Professor Dr. Amar G. Bose, the original philosophies and founding principles have not changed. Bose maintains an exceptionally strong commitment to research. Its commitment and passion for innovation have been manifested in developing unique sound solutions to meet virtually any audio challenge in any application. While many of the products are designed for entertainment and home audio solutions, Bose sound is also prevalent in both the aviation and automotive industries. Bose also designs professional sound systems for numerous applications, including stadiums and auditoriums, houses of worship, retail businesses, department stores and restaurants.

In the MoA, both parties have committed to work together to provide short training courses on the Bose Lean Enterprise where 18 selected USM undergraduate students are given opportunities to learn about Lean implementation in industry. Lean is industrial management philosophies, concepts and practices underpinning with continuous improvements by the whole organization in seeking perfect and ultimate alignment with customer requirements in the most efficient way. Well-known lean manufacturing methods include 5S, work standardization, small lot production and JIT. Lean manufacturing has been widely applied in various

industries, including automotive, electronics, aerospace and services to eliminate operational wastes. Obtaining knowledge in lean manufacturing at undergraduate level with actual industrial training enhances student employability.



In addition to the short courses, selected students will be offered to 10 weeks industrial internships at BOSE worldwide sites. Research collaboration in the form of industry attachment by faculty members at different global BOSE facilities has also been agreed. The university-industry collaboration will be greatly complementing the knowledge dissemination with application of that knowledge to future USM engineering graduates and research institution.

USM believes that university-industry collaborations complement the discovery and dissemination of knowledge with application of that knowledge to the creation of goods and services, which ultimately endow society with a public good far exceeding the combined contributions of the parties.

Text: Dr. Khairudin Mohamed

Photo: Hishammudin Endan

HARI BERSAMA PELAJAR KEJURUTERAAN DAPAT SAMBUTAN



NIBONG TEBAL, 27 September 2013 – Kira-kira 300 pelajar hadir ke program “HARI BERSAMA PELAJAR” anjuran Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar, Kampus Kejuruteraan baru-baru ini.

Inisiatif BHEPP dalam mendekatkan para pelajar dengan bahagian atau unit yang secara langsung berkait rapat dengan pelajar merupakan usaha murni yang perlu diteruskan. Program seumpama ini diharap dapat menjalinkan hubungan yang baik diantara para pelajar dengan staf pentadbiran Universiti.



Terdapat 8 jabatan yang terlibat dalam menjayakan program ini terdiri daripada Pusat Rancangan Kokurikulum, Unit Kesihatan, Desasiswa Jaya, Desasiswa Lembaran, Jabatan Pembangunan, Jabatan Keselamatan dan Bendahari.



Program yang bermula pada jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 6.00 petang ini turut disertai oleh 20 persatuan dan kelab pelajar bagi Kampus Kejuruteraan. Bermula pada waktu tengah hari para pelajar mula memenuhi Pusat Mahasiswa setelah sesi kelas akademik pada hari tersebut berakhir. Sambutan sangat menggalakkan dan memberi kesan positif kepada para pelajar. Semoga program sebegini dapat dilaksanakan lagi pada masa hadapan dengan penambahbaikan yang lebih sempurna.



Menurut Puan Nur Akmar Idris selaku Ketua Unit, BHEPP, tujuan program ini diadakan adalah untuk memperkenalkan jabatan-jabatan pentadbiran yang berkait rapat dengan para pelajar secara lebih jelas terutamanya untuk pelajar baharu dan memudahkan komunikasi dua hala antara pelajar dengan jabatan pentadbiran dan persatuan pelajar.

Kesempatan program ini juga telah memudahkan persatuan dan kelab dalam melaksanakan aktiviti pendaftaran ahli baharu kerana ia dibuat secara berkelompok dan teratur.



Teks : Mohd Kamil Ashar

Foto : Zahrizal Haris & Airul Haidie Kahairol Johory

KEMPEN TINGKATKAN KESEDARAN WARGA KAMPUS DAN MASYARAKAT



NIBONG TEBAL, 3 Oktober 2013 – Menyedari akan pentingnya isu-isu berkaitan kesedaran keselamatan wanita dan keselamatan jalan raya seperti yang diketahui oleh semua pihak, Allianz Malaysia dan Universiti Sains Malaysia (USM) melalui Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam bersama-sama mengadakan Kempen Kesedaran Keselamatan Wanita dan Kempen Advokasi Keselamatan Jalan Raya Universiti di kampus ini.



Acara ini telah diadakan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat bersama dengan Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR) dan disokong oleh Polis DiRaja Malaysia. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan di kalangan masyarakat wanita serta bertujuan untuk mewujudkan kesedaran mengenai keselamatan jalan raya serta memastikan pelajar-pelajar dan kakitangan USM dan juga masyarakat sekitar kampus dimaklumkan tentang bagaimana tingkahlaku mereka semasa berada di jalan raya boleh memberikan kesan kepada diri mereka serta pengguna jalan raya yang lain.



Dr. Nur Sabariah Bt Abdul Sukor

Bila menyebut tentang wanita, terbayang akan fitrahnya dilahirkan dengan penuh sifat kelembutan, malangnya dilayan dengan penuh keganasan oleh insan bertentangan jantina.



Tuan Syed Yusof Syed Kechik

Tuan Syed Yusof Syed Kechik, Pengarah Jaringan Komuniti, USM, berkata “Wanita adalah aset negara yang penting kerana dengan populasi wanita iaitu 13.77 juta orang daripada populasi keseluruhan rakyat Malaysia iaitu 28.3 juta orang, wanita turut sama menyumbang kepada pembangunan ekonomi keluarga dan seterusnya pembangunan negara. Wanita merupakan insan yang istimewa yang diciptakan Allah untuk dilindungi, disayangi dan dihormati dan bukan untuk diperlakukan dengan ganas, disakiti atau dihina.”

Menurut beliau juga, kesatuan wanita yang kukuh boleh membantu memperkasakan wanita dalam masyarakat dan program ini merupakan satu usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat akan kepentingan dan peranan kita semua dalam membanteras keganasan terhadap wanita.



Sean Wang

Dalam ucapan kedua, Sean Wang, Ketua Pegawai Operasi Allianz Malaysia Berhad berkata, “Pada hari ini kita dapati laporan akhbar menunjukkan jenayah dan keganasan terhadap wanita semakin merebak, dari kes ragut, rogol dan keganasan rumah tangga, kita lihat banyak golongan wanita yang terlibat dan meninggalkan kesan yang dalam melalui tragedi yang tidak sepatutnya berlaku kepada mereka. Kita mungkin tidak dapat sepenuhnya menghentikan penjenayah tetapi sebagai individu yang bertanggungjawab dan warga korporat kita sewajarnya perlu bekerjasama untuk memerangi jenayah ini.”



Y. Bhg. Datin Munirah Abdullah Bajanuddin

Acara ini bermula pada waktu pagi dengan Kempen Kesedaran Keselamatan Wanita pada jam 9.00 pagi hingga 12.15 tengah hari. Y. Bhg. Datin Munirah Abdullah Bajanuddin, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga turut hadir untuk acara merasmikan majlis tersebut. Kira-kira seramai 400 orang pelajar dan kakitangan USM, serta ahli masyarakat turut serta di kempen sesi pagi yang berlangsung di Dewan Pusat Mahasiswa. Majlis yang bermula dengan ucapan oleh Tuan Syed Yusof Syed Kechik, Pengarah Jaringan Komuniti, USM dan diikuti oleh Sean Wang dan Y. Bhg. Datin. Selepas itu, Noor Asyikin Ahmad dari BG Capital Holdings Sdn. Bhd. dan ASP Foo Chek Seng dari Polis DiRaja Malaysia berkongsi beberapa tips mengenai keselamatan wanita. Para tetamu dan barisan VIP seterusnya melawat gerai pameran.



Kempen keselamatan jalan raya bermula pada jam 2.15 petang dengan ucapan daripada wakil-wakil USM, JKJR dan Allianz Malaysia dimana mereka menekankan kepentingan keselamatan jalan raya. Terdapat juga tiga penceramah jemputan iaitu Weng Kai Lee dari Drive FOS yang berkongsi mengenai topik “Bolehkah tali pinggang keledar menyelamatkan nyawa?”. Dr. Sunil Shanmuganathan, Ketua Pegawai Perubatan Travel Guard Asia Pacific yang juga merupakan sukarelawan daripada Aeromedicine Malaysia yang berkongsi mengenai topik “Keselamatan Jalan Raya dan Trauma dari Perspektif Clinician”.



Ucapan aluan daripada Professor Zainal Arifin Mohd Ishak selaku Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM) USM, pihak Allianz Malaysia Berhad dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), yang telah bekerjasama dengan pihak USM melalui Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam (PPKA) yang diketuai oleh Prof Ahmad Farhan Mohd Sadullah.

“Program Kempen Advokasi Keselamatan Jalan Raya 2013 peringkat Kampus Kejuruteraan ini sangat bermakna bagi pihak Kampus Kejuruteraan khususnya kerana program kita bukan sahaja melibatkan para pelajar dan staf USM tetapi juga komuniti setempat seperti para pelajar sekolah yang berada di sekitar Kampus Kejuruteraan”, kata Pengarah Kampus.



Menurut beliau lagi, pendidikan dan kesedaran tentang keselamatan jalan raya perlu ditujukan kepada seluruh masyarakat melalui usaha pelbagai pihak menerapkan jiwa mereka dengan aspek keselamatan itu dari awal lagi mencakupi pelbagai aspek termasuk cara pemakaian topi keledar dengan betul, kepentingan pemakaian tali keledar dan lain-lain.



Prof Ahmad Farhan Mohd Sadullah

Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam yang berkongsi mengenai keselamatan jalan raya telah berjaya menarik minat para jemputan yang hadir dengan cara yang bersahaja. Dalam taklimatnya, beliau yang merupakan bekas Ketua Pengarah MIROS dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengangkutan menyatakan bahawa “akhlak yang buruk” adalah merupakan antara penyebab kemalangan di dunia ini. Menurut beliau, antara punca utama kes kemalangan tertinggi di Malaysia adalah faktor kelajuan, langgar lampu merah dan memotong cara salah dan laju.





Warga Kampus Kejuruteraan serta masyarakat setempat yang hadir turut berpeluang merasai pengalaman menggunakan Seatbelt Convincer dan Mindfit Simulators yang disediakan oleh Spico Sdn Bhd. Seatbelt Convincer membolehkan para peserta merasakan impak sebenar kemalangan pada kelajuan rendah manakala simulasi Mindfit (MS) pula adalah alat pencegahan yang digunakan untuk mendidik orang ramai dari semua peringkat umur tentang akibat memandu dibawah pengaruh alkohol, ubat atau semasa penat. Peserta dapat merasai sendiri bagaimana alkohol atau keletihan merosakkan keseimbangan seseorang termasuk penglihatan, masa tindak balas dan pertimbangan.



Kemuncak majlis itu ialah kempen advokasi keselamatan jalan raya yang diadakan pada jam 4.45 petang. Pada kempen tersebut, sebanyak 100 pelekat reflektif yang direka khas yang mampu meningkatkan penglihatan penunggang motosikal pada waktu malam telah diedarkan kepada penunggang motosikal. Allianz Malaysia juga menaja pertukaran sebanyak 100 topi keledar yang tidak selamat atau yang terlalu lama atau yang tidak diluluskan oleh SIRIM dengan yang diluluskan oleh SIRIM. 300 jaket keselamatan dan 500 gelang tangan bercahaya telah diagihkan kepada peserta yang hadir.



“Kempen advokasi keselamatan jalan raya yang diadakan pada hari ini amatlah relevan untuk memberi pendidikan secara berterusan serta penekanan terhadap aspek-aspek keselamatan jalan raya kepada generasi muda kita supaya mereka akan terus membudayakan keselamatan jalan raya pada setiap masa dan bukanlah secara bermusim atau memilih tempat,” kata Y. Bhg. Dato’ Dr. Tam Weng Wah, Ketua Pengarah Keselamatan Jalan Raya.

Kempen Kesedaran Keselamatan Wanita dan Kempen Advokasi Keselamatan Jalan Raya ini telah mendekati lebih daripada 800 orang terdiri daripada warga Kampus Kejuruteraan, pelajar sekolah berdekatan dan masyarakat sekitar.



Teks: Mohd Kamil Ashar
Foto: Shafizan Zoolkiffli

KAMPUS KEJURUTERAAN JADI PILIHAN PELANCARAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN



NIBONG TEBAL, 22 Oktober 2013 – Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) 2013 peringkat negeri Pulau Pinang dimeriaahkan dengan majlis pelancarannya pada hari ini di Dewan Utama, Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia (USM).



Majlis yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara (DBPWU) dengan kerjasama beberapa badan kerajaan lain yang terdiri daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Selatan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang serta Universiti Sains Malaysia selaku tuan rumah ini dihadiri lebih 600 orang.

Bila menyebut tentang bahasa kita tidak boleh lari dari syair, pantun, sajak, puisi, gurindam dan sebagainya. Majlis yang julung kali diadakan di Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia ini telah dimulakan dengan persembahan syair dan gurindam yang mengasyikkan dan disampaikan oleh Wan Ismalindawati Wan Ismail.



“Kita perlu sedar bahawa tanggungjawab memartabatkan bahasa kebangsaan bukan hanya dipikul oleh pihak kerajaan semata-mata, malahan mesti disokong oleh seluruh rakyat. Dalam negara majmuk seperti Malaysia, kefahaman, toleransi dan sikap keterbukaan kita semua dalam menerima bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan adalah sesuatu yang perlu kita sanjung.” kata Dato’ Farizan Darus dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Y. Berhormat Dato’ Haji Mokhtar Mohd Jait, Pegawai Kewangan Negeri, Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Diakhir ucapannya beliau mengajak semua para hadirin berganding bahu dan mengorak langkah untuk memastikan kecintaan dan kemegahan terhadap bahasa kebangsaan sentiasa berkembang mekar dalam kalangan rakyat Malaysia atas prinsip “dimana bumi dipijak disitu langit dijunjung”.



Kepetahan bercerita pelajar tahun enam SJK(C) Jit Sin, Bukit Mertajam dalam persembahannya telah berjaya menarik perhatian para hadirin dan mengembalikan lagenda anak derhaka Si Tanggah. Mendengarkan suara dan susunan bicara tanpa melihat wajahnya sudah pasti tiada siapa menyangka pelajar ini berbangsa Cina. Sekalung tahniah kepada guru-guru dan ibu bapa yang mendidik pelajar ini menjadi anak Malaysia yang berjiwa bangsa.



Majlis Pelancaran BBK di Pulau Pinang ini telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Dalam ucapan ringkasnya beliau yang diiringi isteri Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Maimor Shariff merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia dan seluruh Jawatankuasa Pelaksana atas pelaksanaan program ini.



“Bulan Bahasa Kebangsaan yang kita raikan saban tahun bukan sekadar acara tahunan. Semangat sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan yang dimulakan pada tahun 1960-an hingga kini, jelas bahawa kegiatan ini menjadi salah satu tanda iltizam kerajaan dan semua pihak dalam mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seiring 56 tahun kemerdekaan negara kita.” kata TYT Haji Abdul Rahman Abbas.

Sempena majlis ini, Tuan Haji Abdul Rahim Haji Darus telah dianugerahkan Tokoh Bahasa dan Sastra Negeri Pulau Pinang 2013. Hadiah dan penghargaan telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Haji Abbas sendiri kepada pesara guru yang dilahirkan pada 8 Februari 1926 ini.



Majlis turut diisi dengan syarahan bahasa oleh Dr. Ku Boon Dar daripada Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia. Dr. Ku dalam syarahannya menegaskan bahawa peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan perlu difahami supaya setiap rakyat menjiwai bahasa jiwa bangsa. Secara keseluruhan, syarahan beliau banyak menjurus kepada sejarah bahasa Melayu dan peringkat atau perubahan bahasa Melayu di negara kita.



Sebelum syarahan bahasa dimulakan, majlis telah diserikan lagi dengan lafaz ikrar “Setia Bahasa” oleh 30 pelajar kejuruteraan, USM dari pelbagai bangsa dan bidang pengajian dan disusuli dengan persembahan puisi yang bertajuk “Citra Satu Malaysia” serta persembahan boria daripada Angkatan Budayasari Pulau Pinang. Dua buah lagu puisi yang disampaikan oleh Encik Ahmad Ramli merupakan persembahan terakhir Majlis Pelancaran BKK 2013.



Majlis ini turut dihadiri oleh Y. Bhg. Profesor Dato' Seri Md. Salleh Yaapar, Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka diiringi isteri Y. Bhg. Datin. Turut sama memeriahkan majlis iaitu Y. Bhg. Dato' Dr. Awang Sariyan, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka serta Y. Bhg. Profesor Zainal Arifin Mohd Ishak selaku Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia.

Yang kurik kundi
Yang merah saga
Yang baik budi
Yang indah bahasa

Oleh itu, kerjasama semua rakyat Malaysia amat dituntut dan masing-masing mempunyai peranan dalam memastikan bahasa kebangsaan terus dimartabatkan. "Salam Bahasa jiwa Bangsa"

Teks: Mohd Kamil Ashar
Foto: Shafizan Zoolkiffli

'PRK' KEJURUTERAAN LANCAR & HARMONI

Written by mnmz



NIBONG TEBAL, 25 Oktober 2013 – Pelajar dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia, Meor Abdul Rahman Meor Hashim menang selesa dalam kategori konstituensi umum semasa pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia (MPPUSM) sesi 2013/2014 bagi Kampus Kejuruteraan yang diadakan semalam.



Meor berjaya meraih sebanyak 954 undi daripada 1,855 pelajar yang keluar mengundi pada pemilihan tersebut. Beliau yang kelihatan tenang semasa proses pengiraan undi berlangsung telah menewaskan saudara Mohamad Nazri Abdullah daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam dengan majoriti sebanyak 55 undi.

Jumlah keseluruhan pelajar yang berdaftar sebagai pengundi pada pemilihan itu ialah seramai 2000 orang.



Keputusan diumumkan oleh Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan, Profesor Zainal Arifin Mohd Ishak pada 9.45 malam. Dalam ucapan ringkasnya, beliau menasihatkan supaya semua pelajar yang bertanding dapat menerima keputusan dengan hati yang terbuka dan dapat bekerjasama dalam memastikan kejayaan yang lebih cemerlang kepada diri sendiri seterusnya kepada Universiti Sains Malaysia.



Diakhir ucapannya, beliau mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Puan Nur Akmar Idris selaku Ketua Unit BHEPP dan semua yang terlibat dalam menjaya dan memastikan kelancaran proses pilihanraya kampus pada tahun ini.

Proses pembuangan undi berjalan lancar di semua pusat mengundi dengan menyaksikan 3 calon menang tanpa bertanding bagi Konstituensi Pusat Pengajian iaitu Kejuruteraan Mekanik, Kejuruteraan Awam dan Institut Pengajian Siswazah.



Buat pertama kalinya, Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun ini memperkenalkan sistem E-Kiraan dalam proses Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar USM yang diadakan semalam di ketiga-tiga kampus secara serentak. Hasilnya, pengiraan kertas undi di Kampus Kejuruteraan semalam hanya mengambil masa kira-kira tiga jam sahaja sebelum keputusan penuh diketahui.



Ketua Unit Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP), Puan Nur Akmar Idris berkata, seramai 1,855 pelajar atau 84.32 peratus telah menunaikan tanggungjawab membuang undi di 6 pusat mengundi yang ditempatkan di setiap Pusat Pengajian dan dibuka dari 8.30 pagi hingga 5.00 petang. Ini merupakan peratusan keluar mengundi yang tertinggi bagi ketiga-tiga kampus.

Secara keseluruhannya, proses pilihanraya Universiti Sains Malaysia pada tahun ini telah berjalan dengan lancar dan dalam suasana yang sangat harmoni. Tahniah diucapkan dan pihak universiti mengharapkan agar ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar yang baharu ini dapat meneruskan kecemerlangan mereka dalam kepimpinan seterusnya membantu menjulang nama USM tercinta.

Keputusan Penuh Pilihanraya Kampus Kejuruteraan (USM):

KONSTITUENSI UMUM

Meor Abdul Rahman Bin Meor Hashim (PPK Kimia) - 954 undi
Mohamad Nazri Bin Abdullah (PPK Awam) - 899 undi

KONSTITUENSI PUSAT PENGAJIAN

PPK EE

Mohd Naser Bin Md Isa - 176 undi
Norazzuwa Bt Mohamad Razali - 186 undi

PPK BSM

Amirul Azfar Bin Kamaruzzaman - 193 undi
Nor Farhana Bt Muhammad Nor - 291 undi

PPK KIMIA

Mohammad Zamri Bin Sheik Abdul Kader - 97 undi
Muhammad Mus'ab Umair Bin Azeman - 183 undi

PPK AERO

Khoo Teng Lee - 66 undi
Norhidayah Bt Abdul Aziz - 56 undi

PPK MEKANIK

Ong Xuan Zhi - Menang Tanpa Bertanding

PPK AWAM

Mohammad Ariffudin Bin Sah Harudin - Menang Tanpa Bertanding

IPS

Mohamad Danial Shafiq - Menang Tanpa Bertanding

Teks: Mohd Kamil Ashar
Foto: Shafizan Zoolkiffli

USM IS THE OVERALL CHAMPION IN NACES 2013



PENANG, 11 November 2013 – Universiti Sains Malaysia had emerged as the overall champion for the National Chemical Engineering Symposium 2013 (NACES 2013) hosted by Universiti Teknologi Mara (UiTM), Pulau Pinang.



NACES is an annual event for chemical engineering undergraduate students in Malaysia. NACES provides a platform for chemical engineering students to compete, share experiences and opinions on the issues relevant to the chemical engineering world such as environmental and sustainability issues. The theme for NACES 2013 was "Carbon Conundrum : Unraveling The Enigma". A total of 237 delegates from 15 higher educational institutions participated in this event.



There are 6 categories of competitions; Technical Plant Design, Technical Powerpoint Presentation, Technical Video Presentation, Technical Case Study, Chemical Engineering Challenge as well as Technical Essay Writing.

School of Chemical Engineering (SCE), USM had sent out a strong contingent comprising of 21 students with mixed groups from second, third and fourth-year undergraduate students for all 6 categories of competitions. As a result of the commitment shown by the contingent they clinched the overall champions of the NACES 2013.

The overall performance of USM contingent for NACES 2013 is as follow:

- i. Technical Plant Design – 1st Runner Up
 - a. Beh Jyh Jiunn
 - b. Muhammad Rasyad Bin Alawidin
 - c. Mohamad Farhan Bin Nordin
 - d. Yvonne Lease
- ii. Technical Powerpoint Presentation – Champion
 - a. Gwee Shang Jun
 - b. Mohamed Azeem Bin Abdul Majed
 - c. Vjayan A/L Thrumakunasagran
 - d. Wong Kuan Hwa
- iii. Technical Video Presentation – Champion
 - a. Lau Kok Leong
 - b. Zulfida Mohamad Hafis Bin Mohd Shafie

Technical Video Presentation – 1st Runner Up

 - a. Joanna Tai Wan Yui
 - b. Leslie Ewe Fang Jun
- iv. Technical Essay Writing – Top 10 Essays
 - a. Lim Fung Khiang
- v. Chemical Engineering Challenge – 4th Place
 - a. Lee Wen Jie
 - b. Leong Ann Tsun

c. Lim Fung Khiang
d. Ng Wei Ming

vi. Technical Case Study – 1st Place
a. Loh Kar Woon

Technical Case Study – 2nd Runner Up
a. Norhayati Binti Nordin

This was the best ever performance by USM contingent in NACES. This was down to the collective efforts by all members of School of Chemical Engineering of USM including lecturers, technicians, supporting students and last but not least the participants of USM contingents. Congratulations to the School of Chemical Engineering of USM for becoming the overall champion in NACES 2013.





Teks & Photos : Associate Professor Dr. Mohd Azmier Ahmad

Source: <http://chemical.eng.usm.my>

SCE USM BAGS AWARDS AT BRITISH INVENTION SHOW 2013



London - Young researchers from the School of Chemical Engineering, Universiti Sains Malaysia, Meor Muhammad Hafiz Shah Buddin, 23 and Muhammad Razif Abdul Razak, 23 bagged two awards; Gold Medal and Diamond Award at the British Invention Show 2013 (BIS 2013).



The innovative product, "M.O.S. (Moringa Oleifera Seeds) Natural Biodegradable Coagulant" was competed with other researchers, lecturers and students from 20 countries including from Europe and Middle East. SCE USM team grabbed the awards for its cost effective and non-toxic biodegradable solution for wastewater treatment. The BIS 2013 was held in London from 23-26 October 2013.

source: <http://www.chemical.eng.usm.my>

KELAB REKREASI UNISAINS JAYAKAN EKSPEDISI GUNUNG BUBU



KUALA KANGSAR, 11 November 2013 - Kelab Rekreasi Unisains Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (KRUUSMKEJ) telah menjayakan ekspedisi mendaki Gunung Bubu di Kuala Kangsar, Perak selama tiga hari 2 malam yang disertai seramai 29 orang dan seorang pegawai pengiring. Aktiviti yang diadakan ini adalah sebagai salah satu aktiviti pembuka tirai sidang akademik 2013/2014.



Pada hari pertama para peserta tiba di perkarangan Hutan Lipur Ulu Kenas, Kuala Kangsar, Perak kira-kira jam 11:00 malam. Selepas solat subuh para peserta memulakan perjalanan dan diperkenalkan kepada lima orang jurupandu arah dari Silver Outdoor Sport untuk menjadi pengemudi sepanjang pendakian. Pendakian hari pertama menuju ke tapak perkhemahan pertama di Kem Sungai Gading yang memakan masa selama hampir 4 jam.



Pada hari berikutnya, seawal jam 6:30 pagi sebahagian peserta menyiapkan juadah sarapan pagi manakala sebahagian lagi menyiapkan diri dengan memakai semula 'Uniform' untuk meneruskan pendakian. Tepat jam 10:00 pagi perjalanan diteruskan sebelum bertemu dengan trek pendakian yang lebih mencabar. Pendakian hari kedua berakhir di Puncak Gunung Bubu dengan kumpulan terakhir tiba di tapak perkhemahan kira-kira jam 5 petang setelah penat mendaki selama 5 jam. Disebabkan keadaan di puncak gunung tidak mengizinkan pendaki bermalam di puncak maka perjalanan terpaksa diteruskan ke tapak perkhemahan selama 20 minit.

Pada hari terakhir, pendakian bermula lebih awal apabila kesemua peserta memulakan perjalanan seawal jam 9:00 pagi dengan meredah laluan yang sama semasa mendaki. Sepanjang perjalanan turun para peserta mula lincah mengutip sampah sarap yang ada sepanjang kawasan tapak perkhemahan serta kawasan sekitarnya. Ini bagi memastikan kawasan tersebut bersih dari segala sampah sarap dan membawa mesej kelestarian dalam setiap program yang diadakan.



Pendakian tamat tepat jam 7:00 malam. Semoga program pendakian tersebut dapat memberikan suatu pendedahan dan pengalaman yang tidak ternilai kepada para peserta yang terlibat. Program pendakian sebegini telah memberikan suatu pendedahan dan pengalaman yang tidak ternilai kepada pelajar untuk menghayati keindahan dan kehijauan alam semula jadi ciptaan yang Maha Kuasa

Berita Kampus Kejuruteraan Sepanjang Tahun 2013

Teks: Fadzley Hassan & Sarina Musa

Foto: Fatin Nur Haziqah Kamarulzaman

KAWAL TUMPAHAN MINYAK SECARA GLOBAL



r-RubFoam ciptaan Prof. Hanafi

Universiti Sains Malaysia (USM) mencatat sejarah apabila berjaya meraih 13 pingat emas dan dua perak daripada 15 penyertaan pada Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa ke-24 (ITEX 2013) di Kuala Lumpur Mei lalu.

Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral, Prof Hanafi Ismail telah mengharumkan nama USM setelah memenangi anugerah khas daripada Korea menerusi produk ciptaannya, r-RubFoam-A Novel Solution For Global Oil Spills.

Menurut Prof. Hanafi, kita menghasilkan getah sebanyak 18 juta tan metrik setiap tahun pada 2002 dan angka it uterus meningkat kepada 26 juta tan metrik sehingga tahun lalu.

Katanya, ini amat membimbangkan kerana sisa buangan getah adalah bahan yang tidak mudah terurai dan mengambil masa bertahun-tahun untuk dilupuskan, sekali gus menjejaskan alam sekitar.

Melihat masalah itu, Prof. Hanafi mengambil inisiatif mencipta sebuah produk penyerap minyak dengan menggunakan sisa buangan getah bagi mengatasi masalah tumpahan minyak yang berlaku di seluruh dunia.

“Sisa-sisa buangan getah adalah aplikasi yang berpotensi besar untuk mengawal, sekali gus mengatasi masalah tumpahan minyak,” katanya.

Berdasarkan sumber AbsorbentOnline.com, kira-kira 100 juta gelen AS tumpahan minyak yang berlaku setiap tahun.

Sejak 1970 hingga 2010, terdapat kira-kira 1,700 tumpahan minyak yang membawa kepada 5.7 juta tan daripada tumpahan itu dan ini dikatakan sudah menjadi bencana biasa yang dihadapi di seluruh dunia.

Menurut Prof. Hanafi, tumpahan minyak ini bukan sekadar mencemarkan alam sekitar, malah turut menjejaskan flora dan fauna serta komuniti hidupan lain.

“Selain digunakan untuk mengatasi tumpahan minyak, r-RubFoam juga digunakan bagi membantu menjamin

kesejahteraan persekitaran untuk kelestarian hari mendatang. “ katanya.

Keseluruhannya, tujuan produk ini dicipta adalah:

Untuk kitar semula sisa buangan getah seperti tayar, sarung tangan dan tiub motosikal untuk dijadikan sebuah produk penyerap minyak dengan menggunakan Latex Foam Technology.

Untuk membantu kerajaan Malaysia menyelesaikan masalah pelupusan sisa buangan getah kepada satu produk yang bernilai.

Untuk menghasilkan satu penyelesaian paling mudah dan mesra alam bagi menyerap tumpahan minyak.

Terdapat pelbagai kaedah lain yang pernah digunakan bagi mengatasi masalah tumpahan minyak ini seperti kaedah mekanikal (Booms dan Skimmers), kaedah fizikal seperti pembakaran dan juga kaedah biologi.

“Namun, belum ada mana-mana pihak yang mencipta produk penyerap minyak daripada sisa buangan getah.

“r-RubFoam adalah produk pertama yang dicipta menggunakan sisa buangan getah setakat ini,” katanya.

Menurut Prof. Hanafi, beliau mengambil kira beberapa kriteria sebelum mencipta produk itu.

Katanya, beliau akan memastikan bahan digunakan untuk pembuatan r-RubFoam adalah konvensional, mudah diproses dan menggunakan kos rendah, boleh dikitar semula serta menjadi serpihan serbuk.

Produk ini kata beliau, berkebolehan digunakan berulang kali dalam aktiviti penyerapan tumpahan minyak.

“Ia juga boleh dibuat dalam pelbagai saiz dan bentuk mengikut keperluan yang diperlukan. Sebagai contoh, kepingan r-RubFoam yang lebih besar akan dihasilkan bagi aktiviti penyerapan tumpahan minyak di lautan,” katanya.

Beliau berkata, setakat ini terdapat sebuah industri berasaskan getah Malaysia yang berminat untuk bekerjasama mengkomersialkan produk penyerap minyak itu.

Petikan: **Berita Harian**, Khamis 21 November 2013. oleh Hazifah Muhamad Radzi

7 JABATAN JAYAKAN HARI BERSAMA PELANGGAN



NIBONG TEBAL, 13 November 2013 – Sebanyak 7 jabatan terlibat menjayakan Hari Bersama Pelanggan peringkat Kampus Kejuruteraan di sini hari ini.

Timbalan Ketua Pegawai Maklumat, Pusat Pengetahuan Komunikasi & Teknologi, Kampus Kejuruteraan yang juga Pengarah Projek berkata, program itu diharapkan dapat mewujudkan suasana pengurusan kampus yang cekap melalui teknologi dan profesionalisme.

Antara program anjuran PPKT dengan kerjasama beberapa jabatan lain iaitu Perpustakaan, Jabatan Pendaftar, Pejabat Pengarah, Jabatan Bendahari, Jabatan Keselamatan, Jabatan Pembangunan, Pusat Sejahtera dan Pusat Islam adalah program berbentuk seminar.

Seminar Transformasi Perkhidmatan tersebut diadakan bertujuan untuk memberi penyampaian tentang perkhidmatan yang ada di semua PTJ di Kampus Kejuruteraan. Majlis ini telah dirasmikan oleh Encik Zulham Hamdan, Ketua Pegawai Maklumat, Pusat Pengetahuan Komunikasi & Teknologi (PPKT), Universiti Sains Malaysia.

Antara pengisian program dalam seminar ini adalah perkongsian maklumat bersama PPKT, Jabatan Pembangunan dan Jabatan Bendahari. Selain itu, diadakan juga pertandingan Info Hunt dalam Perpustakaan. Sebelah petang pula diadakan sesi dialog bersama hampir kesemua PTJ di Kampus Kejuruteraan.

Ruang pameran turut dipenuhi oleh booth pameran dari Pusat Tanggungjawab yang terlibat di ruang legar Perpustakaan. Hari Bersama Pelanggan pada tahun ini turut dimeriahkan lagi dengan sesi cabutan bertuah yang diadakan pada sebelah petang.

Dalam program yang sama, orang ramai berpeluang bertemu dengan pegawai dan petugas daripada jabatan dan unit yang terlibat bagi mendapatkan pelbagai maklumat dan informasi yang berkaitan.

Sambutan yang diterima amat menggalakkan dari staf khususnya di bahagian pentadbiran. Rata-rata pengunjung berpuas hati dengan program yang dianjurkan terutama bagi sesi seminar. Dalam temubual rambang yang dibuat, pengunjung mengharapkan supaya program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memberi ruang dan peluang kepada staf, pelajar serta bahagian pentadbiran untuk bertemu seterusnya berbincang secara sihat.

Teks : Mohd Kamil Ashar & Azura Muhamad Marican

Foto : Shafizan Zoolkiffli

PENSYARAH USM CEMERLANG DI KUWAIT



PULAU PINANG, 26 Nov.2013 – Dua pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) mengharumkan nama Universiti dan juga negara apabila meraih dua pingat emas dalam 6th International Invention Fair in the Middle East (IIFME 2013) di Bandar Kuwait, baru-baru ini.

Kedua-dua mereka ialah Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral, Profesor Hanafi Ismail dan pensyarah dari Pusat Pengajian Sains Kajiayay, Profesor Chan Lai Keng.



Berita Kampus Kejuruteraan Sepanjang Tahun 2013

Hanafi menggondol pingat emas melalui penyelidikannya, “OilZob- A Novel Oil Absorbent” manakala Lai Keng unggul dengan inovasi yang bertajuk “ High Valued Products Using Plant Cell Culture Tank”, yang turut mendapat perhatian dan pujian pihak juri.

IIFME 2013 yang menjadi pertandingan rekacipta terbesar di Timur Tengah disertai oleh penyelidik daripada 19 buah negara antaranya United Kingdom, Rusia, Taiwan, Iran, Iraq, Romania, Arab Saudi, UAE , Qatar dan sebagainya.



Sebanyak 150 produk dipertandingkan dengan syarat penyertaan yang ketat di mana setiap produk perlu mempunyai paten. Penaung IIFME ini adalah Amir Kuwait, Sheik Sabah Al-Ahmed Al-Jaber Al-Sabah.

Teks: Marziana Mohamed Alias/Foto: Mohd. Fairus Md. Isa

4th USM CEO TALK SERIES MEMBUKA PELUANG KERJASAMA



NIBONG TEBAL, 28 November 2013 – Program CEO-Talk Siri Keempat pada 25 November yang lalu mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar Universiti Sains Malaysia.



Bermula dengan perbincangan pada sesi pagi diantara Y. Bhg. Dato' Redza Rafiq Abdul Razak, Ketua Pegawai Eksekutif, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) bersama Dekan, Timbalan Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan dan beberapa wakil industri seterusnya diikuti dengan penyampaian syarahan di sebelah petang. Program ini telah membuka peluang kerjasama pintar antara pihak USM dan NCIA .



Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam telah mempengerusikan Majlis Perjumpaan dan Perbincangan antara Dato' Redza bersama Dekan-dekan pada sesi pagi. Banyak perkara yang berkaitan dengan hubungan dan jalinan kerjasama yang telah dibincangkan bersama. Beliau dalam ucapan akhirnya mengharapkan supaya jalinan kerjasama ini dapat diteruskan dan diperkukuhkan lagi dalam usaha membangunkan universiti khususnya serta negara umumnya.



“Oleh itu, mari kita meneruskan usaha ini dengan merapatkan penyebaran ilmu pengetahuan dari USM dan keupayaan pelbagai industri di kawasan Utara Malaysia untuk memberi kuasa kepada masyarakat kita dalam mencapai kemakmuran dan kesejahteraan yang lebih besar pada tahun-tahun akan datang,” kata Y. Bhg. Profesor Dato' Dr. Susie See Ching Mey, Pemangku Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia.



Beliau dalam ucapannya juga menyatakan hasrat supaya hasil dari perbincangan dan penyampaian syarahan ini akan membuka peluang kerjasama yang lebih erat diantara USM dan NCIA serta industri pada masa akan datang.



Program yang dianjurkan oleh Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat dan dikelola oleh Pusat Pengajian Pengurusan serta dibantu oleh Pejabat Pengarah, Kampus Kejuruteraan ini telah berjaya menarik perhatian para pelajar dan pensyarah. Para hadirin seterusnya berpeluang mengunjungi ruang pameran yang disertai oleh beberapa syarikat ternama seperti Motorola, DHL, QDOS dan Classa Industrial (M) Sdn Bhd.



Profesor Fauziah Md. Taib, Dekan Pusat Pengajian Pengurusan dan Dr. Amirul Shah Md. Shahbudin, Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Jaringan) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat kerana telah berjaya menganjurkan program USM CEO Talk Siri Ke - 4 di Kampus Kejuruteraan pada kali ini.

Teks: Mohd Kamil Ashar

Foto : Shafizan Zoolkiffli

Keratan Akhbar: Berita Harian - Khamis 28 November 2013 (N4-Utara)

Nibong Tebal: Sektor perindustrian negara kini dilihat lebih memberi tumpuan kepada graduan yang mengikuti kursus dalam bidang kejuruteraan.

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCKA), Datuk Redza Rafiq, berkata pihak industri sentiasa mencari graduan kejuruteraan untuk bekerja dengan mereka dan berupaya menghasilkan sesuatu yang boleh merajana ekonomi syarikat dan negara.

Selubungan dengan itu, katanya institut pengajian tinggi awam (IPTA) seperti Universiti Sains Malaysia (USM) perlu bekerjasama dengan beberapa banyak industri seterusnya melahirkan graduan kejuruteraan berkemahiran tinggi yang mempunyai kebolehan.

"Pihak industri sentiasa mencari graduan kejuruteraan berkebolehan serta mahir dalam teknologi dan sanggup menghadapi cabaran dalam bidang yang diceburi."

"Saya berharap USM menjadi yang pertama bergerak ke depan menunjukkan bakat yang ada pada pelajar kejuruteraannya."

Redza Rafiq
Ketua Eksekutif NCKA

peluang mudah kepada USM mengkomersialkan produk keluaran mereka.

"Pelajar yang mengikuti kursus kejuruteraan juga turut berupaya mengukuhkan pembangunan ekonomi di wilayah Utara Semenanjung," katanya.

USM disaran kukuh hubungan dengan industri

Perkembangan positif
Melihat kepada perkembangan positif itu, USM diminta mengukuhkan hubungan dengan pihak industri dalam usaha memastikan graduan kampus kejuruteraannya mendapat tempat dalam kalangan mereka.

Redza berkata, kerjasama dengan industri juga merupakan langkah terbaik bagi memudahkan USM mengkomersialkan produk dan inovasi penyelidikan mereka.

"Kerjasama dengan industri membolehkan proses pemindahan teknologi antara dua pihak berlaku dan dapat memberikan

Redza Rafiq
Ketua Eksekutif NCKA

Redza ketika menghadiri USM-CEO Talk Series di Kampus Kejuruteraan, USM, Nibong Tebal, baru-baru ini.

MALAM ANUGERAH SUKAN KKSSK MERIAH



NIBONG TEBAL, 15 November 2013 – Kelab Kebajikan dan Sukan Staf Kejuruteraan (KKSSK), Universiti Sains Malaysia (USM), Nibong Tebal, baru-baru ini menganjurkan Malam Anugerah Sukan 2011 – 2012 bagi meraikan ahlinya yang bergiat aktif sepanjang tempoh dua tahun itu.

Setelah 3 tahun tidak meraikannya, malam yang penuh warna-warni itu turut mendapat kerjasama beberapa Ketua Jabatan, exco kelab, pembekal dan individu perseorangan.



Menurut Profesor Nor Azazi Zakaria selaku Pengerusi Kelab dalam ucapan aluannya berkata, jumlah ahli sehingga kini adalah seramai hampir 600 orang berbanding keseluruhan staf iaitu melebihi 800 orang.

Beliau mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua exco dan ahli yang telah banyak membantu kelab dalam menjayakan semua program yang dianjurkan samada dalam acara sukan, kebajikan dan majlis-majlis rasmi seperti ini.

Beliau turut menyeru kepada semua yang hadir supaya dapat bersama-sama untuk menyertai Kampus

Berita Kampus Kejuruteraan Sepanjang Tahun 2013

Kejuruteraan yang diberi nama Pipit Hutan bagi mewakili kampus dalam setiap acara semasa Hari Warga Staf yang akan diadakan pada 30 November 2013.



Beliau seterusnya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyumbang-penyumbang piala dalam setiap acara sukan yang dipertandingkan. Disamping itu, beliau tidak ketinggalan mengucapkan setinggi penghargaan kepada penaja individu yang sudi memberi sumbangan dalam setiap acara sukan sebelum ini terutamanya dalam sumbangan hadiah yang disediakan pada malam anugerah tersebut.

"Saya berharap nilai positif yang telah diterapkan dalam program ini dapat membantu melahirkan staf yang berkualiti dan dapat berbakti kepada masyarakat kelak," katanya.



Prof. Nor Azazi juga berkata, program tersebut mampu melonjakkan semangat warga staf untuk terus bergiat aktif selain memberikan sokongan padu terhadap setiap aktiviti yang dijalankan.

"Saya mengucapkan tahniah kepada exco dan ahli KKSSK yang telah berjaya menjalankan banyak aktiviti terutamanya dalam bidang sukan seterusnya menjayakan majlis anugerah pada malam ini. Saya difahamkan bahawa banyak aktiviti dan pembangunan di Kampus Kejuruteraan dikendalikan oleh kelab ini," kata Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia melalui teks ucapan yang dibacakan oleh Profesor Muhamad Jantan selaku

Pemangku Naib Canselor.



"Memandangkan Kelab Sukan di Kampus Kejuruteraan ini sangat aktif, saya menyarankan supaya pihak pengurusan kelab dapat melaksanakan aktiviti libat sama dengan komuniti setempat supaya jaringan dan hubungan universiti dapat diwujudkan dengan lebih harmoni," kata Naib Canselor lagi.

Profesor Muhamad Jantan yang diiringi isteri turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada KKSSK dalam usaha murni membantu universiti dalam hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan sukan dan sebagainya. Beliau berkata demikian ketika berucap dan merasmikan majlis tersebut yang berlangsung di Dewan Utama, Kampus Kejuruteraan di Nibong Tebal.



Beliau turut mengharapkan semoga usaha kelab dalam membangunkan universiti akan berterusan. Profesor Muhamad Jantan mengakhiri teks ucapan Naib Canselor tersebut dengan ucapan "Selamat Maju Jaya kepada KKSSK".

Selain penyampaian anugerah dan jamuan makan malam, majlis turut diserikan dengan persembahan nyanyian duet serta solo daripada warga Kampus Kejuruteraan dan diselang-selikan dengan penyampaian hadiah serta cabutan bertuah.

Majlis turut dihadiri Timbalan Naib Canselor, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar iaitu Profesor Adnan Hussein yang juga diiringi isteri. Beliau turut sudi menyampaikan 2 buah lagu dengan begitu bertenaga

Berita Kampus Kejuruteraan Sepanjang Tahun 2013

iaitu lagu nyanyian Broery Marantika bertajuk Biarlah Bulan Bicara serta Kehilangan nyanyian Firman.



Suka duka penceritaan sepanjang tahun 2011 sehingga 2012 turut disajikan kepada hadirin dengan tayangan multimedia yang disediakan oleh ahli kelab yang mengambil masa selama lebih kurang 2 minit.

Setiap jasa dan budi wakil PTJ serta pengarah dan timbalan pengarah bagi setiap acara sukan jabatan tidak dilupakan dimana mereka semua telah dianugerahkan sijil penghargaan mengikut kategori masing-masing.

Teks : Mohd Kamil Ashar

Foto : Shafizan Zoolkiffli

HWS-USM'13 : PIPIT HUTAN JUARA HIASAN KHEMAH & MASTERCHEF



PULAU PINANG, 2 Disember 2013 – Kontingen Pipit Hutan menjuarai acara Hiasan Khemah dan Masterchef pada sambutan Hari Warga Staf USM yang berlangsung pada 30 November 2013 di Kampus Induk. Kedua-dua acara ini adalah penampilan pertama Kampus Kejuruteraan yang berjaya membawa Kontigen Pipit Hutan menduduki tangga ketiga apabila diumumkan pemenang keseluruhan. Pencapaian ini amatlah membanggakan seluruh staf Kampus Kejuruteraan.



Kontigen Pipit Hutan diketuai oleh Pengarah Kampus, Prof. Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak dan Timbalannya, Prof. Dr. Nor Azazi Zakaria. Seramai 120 orang staf Kampus Kejuruteraan telah menyertai semua acara yang dipertandingkan meliputi acara MasterChef, Hiasan Khemah, Maskot Terbaik, Pasukan Sorak, Sukaneka, Le Tour de Campus, Treasure Hunt dan acara persembahan bertemakan Nostalgia Tahun 60'an'.



Prof. Zainal mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga staf Kampus Kejuruteraan yang terlibat dalam HWS pada tahun ini. Beliau terharu dengan semangat dan kerjasama jitu yang telah ditunjukkan oleh Kontingen Pipit Hutan dibawah pimpinan Prof. Nor Azazi dengan dibantu oleh Kelab Kebajikan dan Sukan Staf Kampus Kejuruteraan (KKSSK).



Beliau berkata, “Saya akui bahawa KKSSK terpaksa memikul amanah yang berat kerana bukan mudah untuk mendapat penyertaan daripada staf pada musim cuti sekolah ini, tetapi KKSSK berjaya melaksanakannya walaupun terdapat banyak kekangan masa, wang dan sebagainya.”



“Saya berbangga kerana Kontigen Pipit Hutan mempunyai azam dan semangat yang tinggi untuk bersaing dalam semua acara yang dipertandingkan. Hasilnya kita berjaya menjadi johan Hiasan Khemah dan Masterchef. Tahniah kepada Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan, Kampus Kejuruteraan iaitu Tn. Hj. Hamdan Mohd Hassan dan anak-anak buahnya yang berjaya merekabentuk hiasan khemah yang amat menarik beserta dengan pagola dan pancutan air terjun serta hiasan-hiasan lain yang bercirikan lestari dan tradisional sesuai dengan tema ‘Saya Sayang USM’ dan nama kontigen Pipit Hutan.



Khemah yang mendapat pujian daripada Timbalan-timbalan Naib Canselor dan juga pegawai-pegawai Utama Universiti turut mendapat sentuhan Penolong Jurutera PPK Kimia, Encik Mohd Yusuf Ismail. Malahan, semua pegawai-pegawai utama Universiti berpeluang merasai kek yang dibuat sendiri Encik Mohd Noor Naina Mohamed, staf Jabatan Pembangunan di atas pelantar pagola sambil mendengar siulan beberapa ekor pipit hutan yang berada dalam sangkar di khemah tersebut, satu suasana harmoni yang jarang ditemui.



Pemasangan dan kerja-kerja hiasan khemah telah bermula pada 29 November 2013 lebih kurang jam 3.30 petang dan berakhir sehingga 11.00 malam. Prof. Zainal dan Prof. Nor Azazi turut turun ke padang bersama-sama pasukan Jabatan Pembangunan dan Urusetia menyiapkan kerja. Mereka melihat ini sebagai satu kerjasama kumpulan yang baik dan masing-masing amat berbesar hati dan berbangga mempunyai staf yang kreatif serta sanggup mengorbankan masa, tenaga dan idea demi untuk memastikan kemenangan kontingen.



Menurut Prof. Zainal lagi, “Kumpulan MasterChef di bawah penyelarasan Tn Hj Fadzil Saidin juga tidak kurang hebatnya sekaligus membuktikan semangat kerjasama boleh membuahkan kejayaan. Saya berbangga kerana Prof. Madya Dr. Roslan Ahmad dan ahli kumpulannya terdiri daripada Encik Yusuf Ismail, Encik Azhar Ahmad, Pn. Ruzaida Che Din, Pn. Rohana Din dan Pn. Jalilah Ahmad terhadap komitmen tinggi bagi memastikan kejayaan adalah milik Pipit Hutan.”



Kemenangan ini turut diserikan dengan pujian Datin Noraizan Jamaludin, isteri Naib Canselor yang begitu tertarik dengan apron dan topi masterchef Kontingen Pipit Hutan yang berwarna hitam disulami dengan tulisan benang hijau. Menurut beliau, apron dan topi ini begitu unik dan menyerlahkan kelainan. Manakala menu masakan yang diberi nama ayam kuzi ekosfera, daging minden briyani masala dan acar rampai lestari telah dijadikan hidangan utama untuk Pegawai-pegawai Utama Universiti.



Selain daripada dua acara di atas, Kontingen Pipit Hutan turut memberi tentangan hebat dalam acara Le Tour de Campus, Treasure Hunt, Sukaneka, Maskot, Sorak dan acara persembahan 'Nostalgia Tahun 60'an. Peserta larian Le Tour De Campus berjaya menghabiskan larian dalam masa yang ditetapkan di mana hampir mendapat tangga 10 terbaik yang turut menyumbang dalam pemarkahan kontingen. Kumpulan Treasure Hunt dan Maskot berjaya mendapat tempat keempat. Tidak lupa kepada peserta persembahan, walaupun tewas tetapi sketsa mereka yang bersahaja telah membuatkan penonton tidak kering gusi sepanjang persembahan berlangsung.



Timbalan Ketua Kontigen, Prof. Nor Azazi pula melahirkan rasa gembira di atas kesudian staf mengorbankan masa dan cuti hujung minggu untuk mewakili Kampus Kejuruteraan ke Sambutan Hari Warga Staf 2013.



Menurut beliau, “Saya amat tersentuh hati dengan staf yang sedia mengorbankan masa, wang dan hal-hal peribadi mereka demi untuk Kampus Kejuruteraan. Tanpa pengorbanan sebegini, sudah pasti Kontigen Pipit Hutan tidak dapat menyertai Hari Warga Staf 2013 dan kita semua akan terlepas peluang untuk merasai dan menikmati suasana riang dalam suasana yang cukup santai. Aktiviti ini juga sebenarnya menguji sejauh mana semangat kerjasama, komitmen dan kekeluargaan yang terdapat dalam diri staf. Terbukti jika bersatu dan bekerjasama disusuli dengan komitmen dan semangat juang yang tinggi, kita pasti akan berjaya.”



Prof. Zainal dan Prof. Nor Azazi merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Urusetia dan semua staf di bawah Kontigen Pipit Hutan yang mewakili Kampus Kejuruteraan ke Hari Warga Staf 2013.



Sambutan Hari Warga Staf USM disertai lebih daripada 1,500 staf. Sebanyak tujuh kontigen telah mengambil bahagian iaitu empat kontigen daripada Kampus Induk, setiap satu kontigen daripada Kampus Kesihatan, Kampus Kejuruteraan dan Institut Pergigian dan Perubatan Termaju. Acara dibahagikan kepada dua sesi di mana sesi pagi meliputi acara-acara sukan, manakala sesi kedua berlangsung acara persembahan di Dewan Tuanku Syed Putra. Turut diadakan ialah cabutan bertuah di kedua-dua sesi yang menyediakan hadiah lumayan berupa barangan elektrik, penginapan di hotel, pakej percutian pelayaran star cruise dan motosikal telah dibawa pulang oleh staf yang bernasib baik pada hari tersebut.



Johan Keseluruhan disandang oleh Kontigen Merbah Surih (Kampus Induk), Naib Johan Kontigen Pekaka Udang (Kampus Kesihatan) dan Tempat Ketiga Kontigen Pipit Hutan (Kampus Kejuruteraan).



Hari Warga Staf 2013 melabuhkan tirai dengan pengumuman oleh Naib Canselor bahawa Kampus Kejuruteraan akan menjadi tuan rumah Hari Warga Staf 2014.



Teks: Nor Zainah Bahari & Mohd Kamil Ashar

Foto: Shafizan Zoolkiffli

PENYELIDIK WANITA USM CEMERLANG DALAM EUWIIN 2013



PULAU PINANG, 9 Dis. 2013 – Penyelidik wanita Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Fauziah Ahmad mempamerkan kecemerlangan di arena antarabangsa apabila dinobatkan sebagai pemenang keseluruhan bagi pertandingan rekacipta European Women Inventors & Innovators Network Exhibition, Conference & Award (EUWIIN) 2013 yang berlangsung di Stockholm, Sweden baru-baru ini.

Pensyarah di Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam itu turut meraih gelaran berganda setelah dipilih sebagai penerima 'Special Recognition Award' daripada pihak penganjur atas kemampuannya menghasilkan penyelidikan yang memberi manfaat kepada dunia global.

Fauziah cemerlang melalui hasil penyelidikannya, 8R Mat for Soil Erosion and Slope Protection yang berupaya memberi penyelesaian dalam menangani masalah keruntuhan cerun dan sebagainya.

Beliau membawa pulang trofi dan sijil penghargaan dalam pertandingan rekacipta yang turut disertai oleh pelbagai negara di benua Eropah tersebut.

Dalam pada itu, EUWIIN 2013 turut disertakan dengan persidangan yang bertemakan Accelerating Growth in Product & Service Innovation in Europe and beyond, yang menyaksikan pembentangan kertas kerja dan sesi dialog dalam meneroka peluang kerjasama global melibatkan peranan wanita yang lebih signifikan.

Program tahunan ini turut bertujuan memperkasakan sosio ekonomi kaum wanita melalui pelbagai cabang termasuk pembangunan kemahiran, pemindahan ilmu, hak harta intelek, akses kepada kewangan, pembangunan produk, pengkomersialan, perdagangan antarabangsa dan sebagainya.

Teks: Marziana Mohamed Alias

Foto: <http://civil.eng.usm.my>

PROF DR. ABDUL LATIF WON THE PRESTIGIOUS TWAS PRIZE 2012 IN ENGINEERING SCIENCES



Prof Dr. Abdul Latif Ahmad from School of Chemical Engineering was awarded the 2012 TWAS Prize in Engineering Sciences category. Prof Latif was awarded the prestigious award for his contribution to sustainable environmental protection and health care of developing countries via membrane-based technology. His work on wastewater treatment using membrane technology and also development of nitrocellulose membrane for diagnostics industry has attracted the interest of the selected committees.

Engineering Sciences was one out of 8 categories competed which were Agricultural Science, Biology, Chemistry, Physics, Mathematics, Earth Sciences, Medical Sciences, and Social Sciences. Winner for other categories were world renounce scientists from China, Taiwan, India, South Africa, Brazil, Argentina and Uzbekistan. The award was conferred to Prof Latif during the 24th TWAS General meeting held in Buenos Aires, Argentina last October 2013. The Award came along with Medal, Certificate and cash of USD15,000.

TWAS stands for The World Academy of Sciences, for the advancement of sciences in developing countries. It is an autonomous international scientific organization dedicated to promoting scientific capacity and excellence for sustainable development. It was founded in 1983 as the 'Third World Academy of Sciences' in Trieste, Italy, by distinguished group of scientist from the developing world under the leadership of Nobel laureate Abdul Salam of Pakistan.

SCIENTISTS FROM ENGINEERING CAMPUS CONFERRED FELLOWS AND TOP RESEARCH SCIENTIST MALAYSIA (TRSM) BY ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA



The Academy of Sciences Malaysia (ASM), a "think-tank" and a beacon of excellence in matters related to the development of science, engineering, technology and innovation for the benefit of all, gave recognition to 10 more scholars and scientists of Universiti Sains Malaysia (USM) this year.

In the ASM Fellows conferment ceremony and announcement of TRSM 2012 held recently, two USM scholars Prof. Dr. Abdul Latif Ahmad and Prof. Dr. Ng Wing Keong were conferred Fellows of the Academy. On top of that, another 8 USM scientists were recognised as the Top Research Scientist Malaysia (TRSM). There are Assoc. Prof. Dr. Cheong Kuan Yew, Prof. Dr. Chong Shu Chien @Alexander, Prof. Dr. Darah Ibrahim, Prof. Emeritus Dr. Fun Hoong Kun, Prof. Dr. Jefri Malin Abdullah, Prof. Dr. K. Sudesh Kumar C Kanapathi Pillai, Prof. Dr. Ng Wing Keong, Prof. Dr. Zainuriah Hassan.



Prof. Dr. Abdul Latif Ahmad from School of Chemical Engineering and Assoc. Prof. Dr. Cheong from School of Material and Mineral Resources. Both were conferred Fellows and TRSM respectively. This is the second years in a row that recognition given by ASM to the scientists from Engineering Campus USM. In year 2011, showed one scholar and 7 scientists from Engineering Campus were recognised as Fellows and TRSM by the Academy.

The awards were conferred by Prime Minister Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

RESEARCHER FROM ENGINEERING CAMPUS WON THE WORLD INVENTOR AWARDS AT 2013 KOREA INVENTORS AWARD FESTIVAL, SEOUL.



Prof. Dr. Abdul Latif Ahmad from School of Chemical Engineering won the World Inventor Award 2013 recently at Seoul, South Korea. The event was organized by the Korea Inventor News. Prof Latif who is expert in Membrane Technology focusing on Environmental Protection won the category of Environment-Pollution recognizing his research works and achievement in the field of Environmental and Pollution Control.

Prof Latif's work focusing on membrane-based wastewater treatment who adopted the greener and sustainable treatment process to treat wastewater using 'ChiTEC' ie and adsorbent derived from waste shrimp shell has been selected by the judges as the winner for the Environment-Pollution category. This invention has also won several recognitions at national and international level.

Another winner from USM was Prof. Dr. Darah Ibrahim from School of Biological Sciences, USM main campus who won the Biotechnology category. Most of Prof Darah's contributions are in the fermentation technology especially solid substrate fermentation for converting agricultural wastes to value added products with the help of local bacterial and fungal isolates.



About the Award

The World Inventor Festival(WIAF) 2013 aims to provide a platform for rewarding the hard work and endless contributions dedicated by world-wide inventors, researchers, inventor associations, professors, students, and all those individuals, companies and groups affiliated in their fields within the inventor communities around the world in relevance to inventions, innovation, technology, entrepreneurship, education, etc.

The winners are those who has shown their records of lifetime achievements including inventions to business promotions, awards, lecturing, activities, written books, etc anything like CV, resume & profile they have done throughout their careers as students, professors, inventors, entrepreneurs, doctors, etc. All the information is to be presented in both written/visual documentations via KIAF registration form. As to symbolize much prestigious recognitions for those who have success during KIAF, the higher-valued World Inventor Order of Merit(s) are presented in this festival.

RUMUSAN

Penyediaan makalah ini diharap dapat memberi informasi dan memudahkan warga kampus kejuruteraan khususnya dalam mengimbuai aktiviti, kejayaan dan coretan suka duka sepanjang tahun 2013. Pejabat Pengarah mengharapkan supaya semua pihak dapat membantu dalam menyediakan berita-berita kampus yang menarik bagi tahun 2014 dan tahun-tahun yang seterusnya.

Sebagai hamba Allah yang bernama insan maka kita tidak boleh lari dari melakukan kesilapan. Oleh itu, seribu kemaafan dipinta sekiranya ada coretan atau tulisan yang terkandung dalam makalah ini mengganggu atau mengguris mana-mana pihak.

Pejabat Pengarah juga memohon supaya semua warga kampus dapat memberi nasihat dan idea dalam memastikan berita-berita yang dipaparkan lebih memberi manfaat serta signifikan kepada Universiti.

SIDANG EDITOR

Penasihat

Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak

Editor

Encik Mohd Kamil Ashar

Rekaletak

Hj. Mat Noor Md Zain

Penyunting

Encik Suhaimi Shahidin

Puan Sarina Musa

Ahli

Profesor Madya Sr. Dr. Mohd Sanusi S. Ahamad

Encik Mokhtar Alfakari Anurbek

Puan Rosilawati Radzuan

Puan Wan Zalina Othman

Encik Muhammad Thaqariq Othman

Encik Rosdi Abdul Rahman

Encik Muhammad Sarif Mhd Rapiari

Encik Roslan Yahaya

Puan Sahlawati Azmi

Puan Nurbaiti Abdul Rashid

Encik Mohd Zahir Yaakob

Encik Roslizam Ramli

Encik Shafizan Zoolkiffli

Puan Suraya Sapiari

Puan Najmah Sabri